



Hujung Minggu

فليتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.50

SUBUH 5.00 SYURUK 6.24

DUHA 6.48

ZUHUR 12.20

ASAR 3.42

MAGHRIB 6.14

ISYAK 7.29

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 153

23 DISEMBER 2023 / 1445 جمادی الآخر 10

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahsbumallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bincang isu, cabaran penggunaan halal di rantau ASEAN

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Penggunaan atau konsumerism merupakan aktiviti ekonomi selepas pengeluaran. Pengeluaran tidak bermakna sekiranya tiada penggunaan. Penggunaan melibatkan hubungan erat di antara pengguna dengan pengeluar iaitu permintaan dan utiliti (kegunaan). Dengan pengertian pendorong utama kepada penggunaan ialah kehendak manusia (*consumer demand*).

Demikian antara yang terkandung dalam perbincangan semasa The Virtual International Symposium of Osaka University (OU) ASEAN Campus SDGs Co-creation Forum-Halal Innovation antara OU dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini.

OU telah bekerjasama dengan rakan strategiknya UNISSA dengan mengadakan The Virtual International Symposium of OU ASEAN Campus SDGs Co-creation Forum-Halal Innovation yang diadakan secara dalam talian.

>> Muka 7

MANISNYA IMAN ایمان

"ALLAH tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihai orang-orang yang adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama kamu, mengusir kamu dari kampung halaman kamu dan membantu orang lain untuk mengusir kamu. Dan sesiapa menjadikan mereka sebagai teman rapat maka mereka itulah orang-orang zalim."

- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mumtahanah, ayat 8-9.

BERANGKAT MENANDATANGANI BOOK OF CONDOLENCE



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menandatangani Book of Condolence di Kediaman Rasmi Kedutaan Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, berikut dengan kemangkatan His Highness Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah pada 16 Disember 2023.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menandatangani

Book of Condolence di Kediaman Rasmi Kedutaan Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, berikut dengan kemangkatan His Highness Sheikh Nawaf Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah pada 16 Disember 2023.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Kuwait, Mubarok Al Subaiee.

Penandatanganan, penerimaan Sijil Customer Acceptance Test

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

SEVILLE, SEPANYOL, Jumaat, 22 Disember. - Kementerian Pertahanan telah menandatangani Sijil Penerimaan Customer Acceptance Test (CAT) Pesawat C295MW Pertama di bawah Perjanjian Projek Pesawat Angkut pada 19 Disember 2023 yang lalu.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan ialah 830 Mejar (U) Arif Shamirul bin Salleh dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) yang juga selaku Ketua Resident

Project Office bagi projek tersebut manakala pihak Airbus Defence and Space S.A.U telah diwakili oleh Pengurus Projek, Pablo Alvaro Ramos Ruiz.

Kunci pesawat juga telah diserahkan kepada Pemerintah TUDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim sebagai tanda memperingati majlis tersebut.

>> Muka 3

Mangsa musibah terus diberi perhatian

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menyampaikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND97,800 kepada 13 orang mangsa kebakaran serta rumah roboh dan penerima bantuan membaik pulih rumah.

Majlis diadakan di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Perdana Menteri.

Sumbangan kepada mangsa kebakaran dan rumah roboh YSHHB dari semasa ke semasa memberikan pemeliharaan terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah seperti kebakaran rumah dan rumah roboh.

>> Muka 4



Berita Utama



PROGRAM Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Temburong tutup tirai

Muka 5



ROMBONGAN JENESYS selamat tiba di tanah air

Muka 6



7 Ahli PPPBD hadiri persidangan di Republik Singapura

Muka 8



Muka 22



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berucap pada Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbangan Muallaf Kali-2 Pusat Da'wah Islamiah Tahun 1445H / 2023M pada Rabu, 29 November 2023 di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'ala Ashrafil Anbiya-l-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasabihii Ajma'iin

ALHAMDULILLAH wasysyukru lillah. Kita memuji dan mensyukuri Allah atas rahmat izin-Nya jua Majlis Konvokesyen Skim Bimbangan Muallaf Kali Ke-2, Tahun 1445H / 2023M ini dapat berlangsung pagi ini dan kita dihadirkan-Nya dalam keadaan sihat dan ceria. Khasnya para pesertanya yang akan menerima

Mualaf perlu bimbingan, dengan bercara hidup Islam

sijil-sijil.

Sesungguhnya skim bimbangan ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) untuk membimbing saudara-saudara baharu yang disebut sebagai mualaf. Skim bimbangan adalah sangat penting merupakan program tetap yang diatur dan dilaksanakan secara berterusan. Bukan bermusim.

Sebutan perkataan al-muallaf itu adalah sebutan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam firman-Nya mengenai kalangan orang-orang yang berhak menerima agihan zakat :

Tafsirnya : "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan Islam (muallaf), dan untuk memerdekaan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang, dan (untuk pejuang-pejuang yang berjihad) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalannya (yang terputus perbelanjaannya). Itulah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Yakni itu ialah orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya. Djinakkan hati itu adalah gambaran tentang orang-orang yang asalnya keras hati berada di luar ugama Islam. Ada yang mengingkari atau menolak ugama Islam. Namun kemudian dilembutkan oleh Allah hatinya dengan menerima hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperakarkan dan mempersaksikan bahawa tidak ada tuhan yang sebenar melainkan Allah dan bahawa

Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

Mafhumnya : "Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah. Dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah".

Dengan itu mereka menjadi orang Islam dan tergolong dalam jumlah tujuh kalangan orang-orang yang berhak diberikan agihan zakat bagi satu tempoh yang dijangkakan mereka sudah teguh hatinya, mantap imannya dan sempurna amalnya serta hidupnya sebagai orang Islam.

Sebutan mualaf itu tidak melekat menjadi identiti peribadi, tidak juga menjadi identiti kaum atau puak atau bangsanya. Dia beridentitikan Muslim atau orang Islam menurut kaum atau puak atau bangsanya. Paling popular setakat disebut sebagai saudara baharu. Yakni baharu dalam kalangan umat Islam. Oleh kerana sebagai orang atau saudara baharu dalam Islam dia perlu mendapat bimbangan keugamaan dan penyesuaian diri untuk beriman, beramal ibadat dan bercara hidup dengan cara hidup Islam.

Oleh itu mereka perlu bimbangan untuk beramal ibadat dan bercara hidup sebagai orang Islam yang kukuh iman dan amalnya. Dengan mengucapkan dua kalimah syahadat dia baru setakat memeluk ugama Islam dan automatik menjadi Muslim atau Islam. Tidak secara automatik disebut orang Mukmin, kalau dia belum terdedah dengan sempurna kepada ugama Islam 'aqidatan wasyari'atan waakhlaqan.

Sedemikian itu yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada sekelompok orang-orang Arab pedalaman yang baru memeluk Islam dengan

firman-Nya, ayat 14 Surah Al-Hujurat :

Tafsirnya : "Orang-orang Arab berkata : Kami telah beriman. Katakanlah (kepada mereka wahai Nabi Muhammad) : Kamu belum beriman, tetapi kamu katakanlah : Kami telah Islam, kerana iman belum lagi masuk dalam hati kamu. Dan jika kamu taat kepada Allah dan RasulNya, Allah tidak akan mengurangkan (pahala) amalan-amalan kamu sedikit pun. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Oleh itu PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sebagai agensi dakwah Islam untuk mendakwahkan ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara secara umumnya kepada orang Islam dan yang bukan Islam ada menyediakan program dan skim bimbangan untuk saudara-saudara baharu dalam Islam yang disebut sebagai mualaf itu.

Dan pendakwahannya hendaklah dengan berprinsip dan menurut cara yang diajarkan oleh Allah menerusi firman-Nya :

Tafsirnya : "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Kepada kita kalangan orang-orang Islam di negara kita ini, dakwah adalah bertujuan untuk lebih memahamkan serta meneguhkan pegangan dan amalan berugama menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Shafi'e.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	SABTU	10	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	AHAD	11	4.51	5.01	6.24	6.49	12.21	3.42	6.15	7.29
25	ISNIN	12	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	SELASA	13	4.52	5.02	6.25	6.50	12.21	3.43	6.16	7.30
27	RABU	14	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	KHAMIS	15	4.53	5.03	6.26	6.50	12.22	3.44	6.17	7.31
29	JUMAAT	16	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Tutong	33 °C Kuala Belait
24 °C Pekan Bangar	25 °C Pekan Tutong	25 °C Kuala Belait
31 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Tutong	33 °C Kuala Belait
24 °C Pekan Bangar	25 °C Pekan Tutong	25 °C Kuala Belait
31 °C Pekan Bangar	32 °C Pekan Tutong	33 °C Kuala Belait
24 °C Pekan Bangar	25 °C Pekan Tutong	25 °C Kuala Belait
30 °C Wallahulam Bissawab	32 °C Pekan Tutong	33 °C Kuala Belait
24 °C Wallahulam Bissawab	25 °C Pekan Tutong	25 °C Kuala Belait

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 23 DISEMBER 2023

Berbelanja dengan berhemat, elak pembaziran

BULAN Disember amat dinanti-nantikan oleh warga Perkhidmatan Awam (PA) kerana pada bulan ini semua warga PA akan menerima bonus dan juga gaji secara serentak.

Pemberian bonus berkenaan merupakan tanda terima kasih dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada warga PA atas sumbangan, khidmat bakti yang dicurahkan selain menjalankan amanah dan tugas masing-masing dalam apa juga bidang pekerjaan.

Walau bagaimanapun, bonus bukan sekadar pemberian wang tetapi dari sudut lain adalah sebagai motivasi kepada warga PA untuk terus meningkatkan mutu prestasi kerja masing-masing.

Dalam kita menerima bonus yang hanya diterima setahun sekali berkenaan, bukan bererti kita membelanjakannya berhabis-habisan untuk sesuatu hal yang tidak mendatangkan sebarang faedah dan bermanfaat.

Apa yang lebih penting, terapkan amalan berhemat ketika berbelanja. Walaupun hidup kita semakin mencabar dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat, adalah amat penting bagi kita untuk menguruskan perbelanjaan dengan bijak bagi mengelakkan pembaziran.

Perancangan awal sangat penting agar kita dapat berbelanja secara berhemat dan mengikut kemampuan, di samping mempunyai sistem perancangan pengurusan kewangan yang berkesan agar perbelanjaan dapat diuruskan dengan baik dan teratur.

Selain itu, beri keutamaan kepada simpanan terlebih dahulu bagi memastikan sebahagian hasil wang bonus dan gaji berkenaan boleh digunakan di kemudian hari jika kita mengalami masalah kewangan. Simpanan berkenaan dapat membina dana kecemasan dan menghadapi ketidakstabilan ekonomi atau keperluan yang mendesak.

Di samping itu, amalkan gaya hidup secara sederhana kerana ia adalah salah satu cara yang efektif untuk mengawal perbelanjaan dan mengelakkan pembaziran. Dengan mengamalkan perkara berkenaan dapat membantu kita berjimat dan meningkatkan simpanan. Cara hidup berkenaan juga dapat mengenal pasti keperluan sebenar dan melindungi simpanan daripada digunakan bagi perkara yang tidak berfaedah.

Oleh itu, adalah penting untuk kita menguruskan kewangan dengan bijak dan menyesuaikan dengan kemampuan dan keperluan sahaja selain sentiasa mengawasi pendapatan kita agar tidak berlebihan dalam berbelanja. - Ketua Penyuntingan (Sb)

PENANDATANGANAN, PENERIMAAN SIJIL CUSTOMER ACCEPTANCE TEST

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



>> Muka 1

Majlis penandatanganan tersebut turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan serta ahli-ahli pasukan penerimaan pesawat daripada TUDB.

Penandatanganan tersebut berlangsung di Airbus Defence and Space San Pablo, Seville, Sepanyol.

CAT adalah sebahagian daripada proses penerimaan yang perlu dilaksanakan sebelum pesawat diterbangkan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk penghantaran pada bulan Januari 2024. Setelah tiba ke NBD, Site Acceptance Test akan dijalankan sebelum pertukaran hak

milik pesawat kepada Kementerian Pertahanan.

Penandatanganan ini adalah yang pertama daripada dua buah pesawat yang akan diterima di dalam waktu terdekat dengan pesawat kedua dijadualkan untuk menjalani CAT pada bulan Januari 2024 di Seville, Sepanyol.

Kedua-dua pesawat tersebut dijadualkan untuk diterbangkan dan dibuat penghantaran pada masa yang sama ke NBD pada bulan Januari 2024.

Perjanjian Projek Air Transport telah ditandatangani antara Kementerian Pertahanan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Airbus Defence and Space SAU pada 2 Disember 2022 bagi perolehan empat buah pesawat angkut C295MW untuk menggantikan pesawat CN235-110M TUDB yang sudah usang dan berupaya untuk melaksanakan pelbagai misi termasuk operasi Bantuan Kemanusiaan dan Bantuan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat turut menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut. Sementara gambar bawah, kunci pesawat diserahkan kepada Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim sebagai tanda memperingati majlis tersebut.

Bencana (HADR), MEDEVAC (Medical Evacuations), NEO (Non-combatant evacuation operations) dan SAR (Operasi

Mencari dan Menyelamat).

Pesawat ini juga boleh dikonfigurasi untuk melaksanakan pelbagai peranan

seperti pengangkutan anggota dan kargo, pengangkutan VIP, freefall, airborne static jumps dan cargo drops.



JERUDONG, Jumaat, 22 Disember. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengadakan Sambutan Ulang Tahun Ke-25 dengan acara keagamaan bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dengan mengadakan Sembahyang Sunat Hajat dan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim kawasan Mukim

Jerudong.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar juga selaku Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyeroni majlis berkenaan.

Turut hadir ialah pengurusan kanan, ketua jabatan dan

Acara keagamaan sempena Ulang Tahun JPMC Ke-25

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada acara keagamaan sempena Sambutan Ulang Tahun Pusat Perubatan Jerudong Park Ke-25 di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (atas dan atas kiri).

MANGSA MUSIBAH TERUS DIBERI PERHATIAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Bantuan ini dilaksanakan bagi meringankan beban mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Sehubungan itu, YSHHB menyampaikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND26,800 kepada lapan buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan rumah roboh di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Sumbangan bagi mangsa kebakaran diserahkan kepada

Awang Haji Abdul Rahman bin Samad dari Kampung Bukit Sibut, Lubok Pulau Tutong; Awang Mislee bin Haji Kassim dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Katok 'B'; Awang Haji Jeffry bin Abdullah dari STKRJ Rumah Kembar Kampung Rimba; serta Awang Md. Fadhli bin Abdullah, Dayang Siti Marinah binti Abdullah Lee dan Dayangku Maslelawati binti Pengiran Abdul Karim dari Lorong 3 Selatan, Seria.

Sementara itu, sumbangan ini juga menyerahkan bantuan berupa sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND71,000 bagi tujuan membaik



Noorlita binti Awang Haji Abdul Ghani dari Kampung Burong Pingai Ayer dan Awang Md. Salleh bin Apong dari Kampung Tamoi Ujong.

Antara tujuan penubuhan YSHHB dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat adalah memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan termasuk tempat tinggal yang sempurna dan selamat.

Oleh itu, YSHHB semasa majlis ini juga menyerahkan bantuan berupa sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND71,000 bagi tujuan membaik

pulih rumah lima buah keluarga yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan.

Sumbangan disampaikan kepada ketua keluarga iaitu Dayang Jemilah binti Haji Marzi dari Kampung Junjongan; Dayang Hajah Madiah binti Amit dari Kampung Tarap Bau; Dayang Noralizah binti Manaf dari Kampung Bebatik; Awang Haji Saban bin Haji Omar dari Kampung Perpindahan Bukit Beruang; dan Dayang Hajjah binti Ahmad dari Kampung Sengkarai.

Kesemua sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

KESEMUA sumbangan daripada YSHHB disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB (kiri sekali dan kiri).

Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Sekeluarga berbangsa Iban memeluk Islam



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan cenderamata kepada saudara-saudara baharu (atas), manakala gambar bawah, penyampaian Replika Penanda Kiblat dari Jabatan Ukur. Sementara gambar kiri, Majlis Pengislaman bagi tiga orang sekeluarga berbangsa Iban di Kampung Sinaut, Daerah Tutong.



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 22 Disember. - Tiga orang sekeluarga berbangsa Iban hari ini melafazkan dua kalimah syahadah mereka pada Majlis Pengislaman di Kampung Sinaut, Daerah Tutong, di sini.

Akun anak Bada, 51 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Awang Abdul Basir bin Bada, manakala isteri beliau, Viviyani anak Matriiban, 42 tahun, memilih nama Dayang Nur Viviyanti Iftin dan binti Abdullah Matriiban.

Manakala anak mereka, Aaron Ad-din Ilyasa anak Akun, 11 tahun, kini dikenali sebagai Awang Aaron Ad-din Ilyasa bin Abdul Basir.

Majlis Pengislaman tersebut

disaksikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada saudara-saudara baharu oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian Replika Penanda Kiblat dari Jabatan Ukur,

disampaikan oleh Ketua Juruteknik Ukur, Pejabat Ukur, Cawangan Ukur Daerah Tutong, Awang Johan bin Haji Zinin.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga

rampai dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong; Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Muhammad Yusri bin Haji Abd. Majid dan Pemangku Ketua Kampung Sinaut / Sungai Kelugos, Awang Haji Masri bin Haji Mohamad.

Sejak Januari 2023 hingga 17 Disember 2023, seramai 355 orang telah memeluk agama Islam di mana daripada jumlah tersebut, seramai 83 orang adalah daripada bangsa Iban.

PROGRAM LITERASI PENERANGAN BAGI BELIA DAERAH TEMBURONG TUTUP TIRAI



PARA peserta Program Literasi Penerangan Kali Pertama bagi Belia Daerah Temburong semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Manakala gambar bawah kiri, Majlis Penyampaian Sijil disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BERAKAS, Rabu 20 Disember. - Program Literasi Penerangan Kali Pertama bagi Belia Daerah Temburong anjuran Jabatan Penerangan, yang dikendalikan selama dua hari menutup tirainya dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta program.

Seramai 45 belia menyertai program tersebut terdiri daripada belia Permata Hijau, belia masjid dan belia-belia mewakili mukim dan kampung Daerah Temburong.

Majlis Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan itu disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pemangku Penghulu Zon 1, Daerah Temburong dan Pemangku Penghulu Zon 2, Daerah Temburong, Awang Khairul Anwar bin Haji Juma'at.

Dalam temu bual bersama Dayang Nur Amal Nuha Nadzirah Syaqirah binti Abdullah Mohammad Akhbar, berusia 18 tahun yang mewakili belia Permata Hijau, beliau menzhirkan perasaan gembira kerana melalui Program Literasi tersebut, mereka dapat meraih pengetahuan dan pengalaman baharu yang belum diperoleh sebelum ini.

Daripada program berkenaan

juga tambahnya, mereka juga dibawa melawat ke beberapa buah agensi dan mempelajari ilmu-ilmu baharu dan seterusnya segala maklumat dan ilmu yang diperoleh itu juga akan dikongsikan bersama dengan rakan-rakan dan belia-belia lain yang tidak berpeluang menyertai program berkenaan.

Beliau seterusnya menyeru para belia-belia luar untuk tidak melepaskan peluang untuk mengikuti program seumpamanya ini jika ia dibuka lagi untuk penyertaan kerana para peserta akan memperoleh banyak manfaat yang sangat bernilai terutamanya bagi kerjaya pada masa akan datang.

Sementara itu, bagi Awang Azri bin Tahir selaku Pengurus Belia Permata Hijau, beliau melihat bahawa belia-belia Daerah Temburong kurang pendedahan, justeru melalui Program Literasi Penerangan ini, para belia memperoleh banyak manfaat,

kebaikan dan pengetahuan.

"Saya ingin mereka keluar daripada kelompok zon selesa, jangan berdiri di satu tempat sahaja dan saya ingin melihat mereka selaras dengan belia-belia di daerah lain," ujarnya.

Menurutnya lagi, ini merupakan kali pertama pada tahun ini mereka menyertai program seumpamanya di mana pada mereka selaku belia Permata Hijau juga sering melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut kluster antaranya aktiviti kerohanian, keagamaan, kemasyarakatan, pendidikan dan keusahawanan.

Terdahulu pada hari terakhir program tersebut, para peserta berpeluang melawat ke Galeri Pusat Sejarah Brunei dan mendengar taklimat bertajuk 'Mengekalkan Identiti Kebruneian Dalam Bermasyarakat dan Bernegara' yang disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin



TAKLIMAT bertajuk 'Mengekalkan Identiti Kebruneian Dalam Bermasyarakat dan Bernegara' disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Melayong.

Muhammad Melayong yang antara lain menjelaskan mengenai tujuan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai konsep negara untuk terus memupuk, memelihara dan mengekalkan identiti bangsa, pegangan berugama dan juga pemerintahan beraja.

Taklimat seterusnya bertajuk 'DARE Business Bootcamp Programme' disampaikan oleh Pegawai Eksekutif DARE, Awang Muhammad Syu'aib bin Ahmad Rafie yang memberi pendedahan kepada para peserta bagi meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang perniagaan.

Taklimat terakhir mengenai 'Kepentingan Penjagaan Kesihatan Mental' menekankan mengenai kekuatan spiritual individu, Kitab Suci Al-Quran, sembahyang, berzikir dan doa adalah sebagai salah satu strategi untuk menangani stres dan masalah kesihatan mental yang disampaikan oleh Psiklogis Klinikal selaku Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



DAYANG Nur Amal Nuha Nadzirah Syaqirah binti Abdullah Mohammad Akhbar dan Awang Azri bin Tahir selaku Pengurus Belia Permata Hijau semasa temu bual (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, taklimat bertajuk 'DARE Business Bootcamp Programme' disampaikan oleh Pegawai Eksekutif DARE, Awang Muhammad Syu'aib bin Ahmad Rafie. Sementara gambar bawah kanan, para peserta melawat Galeri Pusat Sejarah Brunei.



ROMBONGAN JENESYS SELAMAT TIBA DI TANAH AIR



ROMBONGAN Program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) dari Jepun selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Rombongan Program Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) dari Jepun, hari ini, selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Pegawai Pelajaran dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Zati Izni Fazreene binti Haji Mohd. Hussin semasa ditemu bual melahirkan rasa syukur kerana filem bertajuk 'Love Beyond Time' telah memenangi Anugerah Kecemerlangan dalam mencipta sebuah filem pendek tiga minit hasil ciptaan Dayang Arriana Chariz Gamido Phua, Dayang Alya Irdina binti Rasman dan Dayang Alya Batrisyia binti Abdul Rahman

dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Sementara Dayang Arriana Chariz Gamido Phua juga turut memenangi Anugerah JENESYS-JICE bagi kategori dalam talian yang diumumkan dan disampaikan pada Majlis Penutup Program JENESYS yang diadakan di sebuah hotel di Osaka Bay, Jepun pada 19 Disember yang lalu.

Dayang Zati Izni Fazreene juga menjelaskan bahawa terdahulu pada September lalu, tiga buah sekolah terpilih menjadi tiga tangga teratas bagi pencalonan festival berkenaan yang telah dihantar ke Jepun pada 16 Disember lalu dan tiga filem tersebut ialah 'Decisions' dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; 'What I Want - To Promote Brunei' dari Pusat Tingkatan Enam Belait dan 'Love Beyond Time' dari Maktab Duli ASEAN.

Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan persahabatan antara Jepun dan negara-negara ASEAN dan Timor-Leste dengan mempersembahkan serta pengongsian filem dari negara masing-masing dan meningkatkan persefahaman melalui pertukaran budaya.

Kemuncak program ialah Festival Filem Kanak-kanak Antarabangsa Asia yang diadakan di Bandar Minamiawaji, Jepun, pada 16 Disember 2023 yang lalu dan sebanyak 54 buah filem pendek daripada 15 buah negara dicalonkan pada festival berkenaan.

Adapun Festival Filem Kanak-kanak Antarabangsa Asia merupakan pertandingan mencipta sebuah filem pendek berjangka masa tiga minit bertema 'Yang Ku Mahu' dibuka kepada penonton dari negara-negara ASEAN.

PEGAWAI Pelajaran dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Dayang Zati Izni Fazreene binti Haji Mohd. Hussin.

سورو هنجای قر خدمتن عوام



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 **UJIAN ART MASIH PERLU
DISEMAK OLEH PENGAWAL
KESELAMATAN.**



**KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARikh
MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH**

2 **TUNJUKKAN KOD
BRUHEALTH DAN ART
KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN BANGUNAN.
HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN
MERAH DIBENARKAN MASUK.**



3 **BAGI YANG MEMPUNYAI
KOD UNGU, HENDAKLAH
MENGHUBUNGI PIHAK
URUS SETIA PEJABAT SPA
MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA**

+673 7371961 | query@spa.gov.bn

4 **HENDAKLAH MELAPOR
DIRI KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN DI TINGKAT 1
TERLEBIH DAHULU.**



5 **PEMAKAIAN SUNGKUP
MUKA BAGI ORANG RAMAI
YANG DATANG BERURUSAN
KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.**



6 **HADIR PADA TARikh
DAN WAKTU YANG
DITETAPKAN BAGI UJIAN
ATAU TEMU DUGA.**



7 **MESTILAH BERPAKAIAN
KEMAS, SOPAN DAN
MENUTUP AURAT.**



8 **TERUS BEREDAR SETELAH
SELESAI BERURUSAN.**



Amalkan langkah mendukung kesihatan mental

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



AHLI panel yang menyampaikan 'Talk Santai : Journey of the Soul' bertempat di It's A Great Coffee House, Cities Square.

BERAKAS, Rabu, 20 Disember. - Ar-Razaq Funeral Management dengan kerjasama It's A Great Coffee House malam tadi mengadakan 'Talk Santai : Journey of the Soul' bertempat di It's A Great Coffee House, Cities Square, di sini.

Acara ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat secara lebih mendalam tentang sokongan kesihatan mental melalui perbincangan yang santai dan menarik sambil memberikan tumpuan kepada persediaan untuk perjalanan individu dengan

tenang.

Ahli panel yang menyampaikan 'Talk Santai : Journey of the Soul' ialah Awang Ali Yusri bin Haji Gafor dan Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail manakala moderator pula disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan.

Seramai 50 orang peserta daripada pelbagai latar belakang dan profesi yang berumur lingkungan 18 hingga 60 tahun menghadiri acara tersebut.

Dalam penyampaian ini, ahli

panel masing-masing mengongsikan tentang perspektif pendidikan dan rohani. Kedua-dua ahli panel turut menekankan mengenai kefahaman yang lebih mendalam tentang kesedihan dan sokongan kesihatan mental dalam Islam dan perspektif pendidikan, di samping mengamalkan langkah-langkah untuk kesejahteraan mental dan mewujudkan ruang yang selamat dalam masyarakat.

Acara ini juga disokong oleh DCON Pvt. Ltd., Sports Metro, Sharqiaa Hijab Brunei, Beveragesbywafi and Penchetak.

MEMPERKUAT MINAT PELAJAR DALAM BAHASA ARAB



SESI bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Mahrajan (Festival) Bahasa Arab 2023 bersempena dengan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yang disambut pada 18 Disember setiap tahun, baru-baru ini.

swasta serta orang ramai.

Selain itu, ia juga menyasarkan penyertaan universiti-universiti luar negara, antaranya Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura. Antara pertandingan lain yang akan diungkayahkan ialah Pertandingan Khat yang dibukakan penyertaannya kepada orang awam, Pertandingan Imla, Pertandingan Bicara Berirama dan sebagainya.

Bagi Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia pada peringkat antarabangsa pula, UNISSA telah menyertai Nadwah Antarabangsa bersempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2023.

Nadwah dengan tema 'Isu-Isu Terkini Dalam Perkembangan Pengajian Bahasa Arab Bagi Bukan Penutur Bahasa Arab di Asia Tenggara' ini dikendalikan oleh Universiti Narathiwat, Selatan Thailand. UNISSA telah diwakili oleh Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Dr. Muhammad Alif bin Haji Sismat.

Mhrajan Bahasa Arab 2023 ini akan diadakan secara berterusan sehingga bulan Syaaban 1445H, yang telah diisytharkan sebagai Bulan Bahasa Arab di NBD.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab mengadakan Majlis Pembukaan Mahrajan (Festival) Bahasa Arab 2023 bersempena dengan Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia yang disambut pada 18 Disember setiap tahun, baru-baru ini.

Pada tahun ini, Majlis Pembukaan Mahrajan tersebut diserikan dengan Pertandingan

Deklamasi Puisi Arab dan Huriannya bagi menyokong Sambutan Tahun Puisi Arab 2023. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan tersebut ialah Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah.

Dalam ucapan perasmian, Dekan Fakulti Bahasa Arab UNISSA menyatakan bahawa antara tujuan penganjuran Mahrajan Bahasa Arab ini adalah

untuk mencipta persekitaran bahasa Arab yang dihasratkan untuk memperkuat minat pelajar dalam bahasa Arab, selain meningkatkan keyakinan mereka dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab dan mengembangkan kemahiran bahasa tersebut.

Selain itu, Mahrajan Bahasa Arab ini juga bertujuan untuk memberi pemahaman kepada masyarakat tentang kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadah, bahasa

ilmu dan bahasa peradaban.

Salah satu matlamat lainnya adalah untuk mencapai aspirasi Negara Zikir dengan menyokong penggunaan bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bagi sambutan tahun ini, pelbagai pertandingan akan diungkayahkan yang menyasarkan penyertaan pelbagai pihak sama ada pada peringkat universiti, sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah kerajaan dan

Bincang isu, cabaran penggunaan halal di rantau ASEAN



SESI perbincangan semasa The Virtual International Symposium of Osaka University (OU) ASEAN Campus SDGs Co-creation Forum-Halal Innovation antara OU dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan kiri).

berjaya membuka mata setiap peserta agar dapat menekankan aspek halal dan juga Thayyiban dalam kehidupan sehari-hari yang sangat signifikan bagi memberikan

kesedaran tentang hak mendapatkan produk halal dan tanggungjawab memilih produk halal dalam kalangan pengguna Muslim.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



>> Muka 1

Menghubung kait Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals dengan industri halal dirangka memberi manfaat kepada banyak pihak dalam jangka masa yang panjang.

Sehubungan itu, simposium ini ingin memfokuskan perbincangan kepenggunaan halal melalui SDG 3 : Good Health and Well Being dan SDG 12 : Responsible Consumption and Production.

Antara objektif simposium ini adalah sebagai wadah perbincangan isu dan sinergi cabaran kepenggunaan halal dalam kalangan ahli akademik dan pengamal industri. Ia juga dapat mengumpulkan panel pakar dalam

bidang kepenggunaan halal di Negara Brunei Darussalam dan serantau.

Di samping itu, dapat mengenal pasti hala tuju halal innovation dan secara langsung meningkatkan kesedaran masyarakat awal berkenaan elemen halal dan Thayyiban dalam kepenggunaan.

Program dimulakan dengan sesi pembentang ucaprama yang disampaikan oleh Profesor Yoshinori Sumimura dari OU, Profesor Madya Dr. Nazlida Muhamad dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Hajah Norliza binti Dato Seri Setia Haji Mahalle dari UNISSA dan Dr. Nur Rahman dari Pristine Pacific Australia.

Semasa sesi perbincangan,

seramai tiga orang ahli panel telah dijemput iaitu Profesor Madya Dr. Shaizatulaqma Kamalul Ariffin dari Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr. Yuliana Dwi Lestari dari Institute of Technology Bandung Indonesia dan Profesor Madya Dr. Zalina Zakaria dari Universiti Malaya.

Program yang berlangsung selama lebih kurang tiga jam itu telah memberi peluang kepada peserta memperoleh ilmu dan yang bermanfaat daripada pembentang dan ahli panel jemputan mengenai cabaran dari segi pelaksanaan dan perundungan kepenggunaan halal dan juga halal tuju industri halal secara komprehensif.

Secara keseluruhan, program ini

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PERPUSTAKAAN JIS



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Seramai 17 orang ahli rombongan terdiri daripada kakitangan perpustakaan dan juga pelajar-pelajar dari kelab perpustakaan UNISSA iaitu Nadi Maktabah menyertai lawatan berkenaan.

Lawatan Sambil Belajar ini merupakan program tahunan Perpustakaan UNISSA bagi mengembangkan lagi pengetahuan profesional para kakitangan perpustakaan dan mengetahui amalan terbaik (best practice) yang dipraktikkan

di perpustakaan-perpustakaan yang dilawati di Negara Brunei Darussalam.

Adapun lawatan kali ini adalah bagi membuka mata pelajar-pelajar UNISSA dan mendedahkan mereka mengenai perkembangan-perkembangan perpustakaan di Brunei sambil menggalakkan minat membaca.

ROMBONGAN terdiri daripada kakitangan perpustakaan dan juga pelajar-pelajar dari kelab perpustakaan UNISSA iaitu Nadi Maktabah menyertai lawatan berkenaan (atas kiri, atas kanan dan kanan).



7 Ahli PPPBD hadiri persidangan di Republik Singapura



■ Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 21 Disember. - Sebanyak sembilan buah negara dari rantau Asia Pasifik termasuk Negara Brunei Darussalam akan

menyertai Persidangan Youths for Inclusion Starts with You And I yang dianjurkan dan dihoskan oleh Girl Guides Singapore (GGS)

bermula dari 21 hingga 24 Disember 2023 di Republik Singapura.

Seramai tujuh orang Ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berlepas meninggalkan negara dari

SERAMAI tujuh orang Ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam berlepas meninggalkan negara dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyertai Persidangan Youths for Inclusion Starts with You And I.

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei lewat petang tadi bagi menyertai persidangan antarabangsa berkenaan.

Mengetui rombongan ialah Pemimpin Unit Pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Mariam binti Haji Abdul Rahman dan turut disertai oleh enam orang Ahli Pemimpin Muda daripada Unit Pemimpin Muda UNISSA iaitu Dayang Nurain Syafiqah binti Haji Harith, Dayang Nur Badzlin binti Haizzil Bahrin, Dayang Siti Nur Arinah binti Saiful Azmi, Dayang Nur Hanaa Fauzana binti Haji Asmalee, Dayang Hajah Khainur Batrisyia binti Haji Khairuddin dan Dayang Asma Faredatul Jawahir@ Dania binti Rosli.


Antara objektif utama persidangan berkenaan adalah untuk mengembangkan dan mengasah potensi Pemimpin Muda

Pandu Puteri dan Pengakap Puteri sebagai advokat untuk keterangkuman atau inklusiviti, keharmonian dan perpaduan di samping mempromosi pembelajaran dan kolaborasi antara budaya untuk menggalakkan jalinan hubungan yang akrab di antara ahli-ahli muda.

Pengisian persidangan ialah pelbagai sesi bengkel dan perbincangan berkaitan kebudayaan dan keterangkuman atau inklusiviti, sukan dan aktiviti paralimpik dan aktiviti perkongsian bersama Ahli-ahli Girl Guides Singapore (GGS).

Oleh itu, adalah diharapkan penyertaan persatuan dalam persidangan ini akan dapat membantu dalam meningkatkan kepimpinan, kualiti, potensi dan kapasiti Ahli-ahli PPPBD serta memperbaharui dan mempelbagaikan program-program persatuan yang sedia ada, untuk lebih menarik minat golongan perempuan dari peringkat kanak-kanak ke wanita muda dan dewasa untuk menyertai PPPBD, dengan penerapan kaedah dan pendekatan yang lebih efektif serta mengembangkan dan memperluas hasil kerja persatuan melalui kolaborasi bersama badan-badan atau agensi-agensi yang berkaitan.

MEMPERKEMBANGKAN KELESTARIAN INDUSTRI HALAL



FORUM ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu, cabaran dan kelestarian industri halal yang semakin berkembang dan mendapat perhatian masyarakat.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui badan pelajar Halalan Thayyibah Student Society (HTSS) dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyibah (PPHT) menganjurkan forum secara *virtual* baru-baru ini.

Forum ini merupakan inisiatif

HTSS untuk menjalankan hubungan kerjasama bersama dengan Ikatan Siswa Siswi Akademi Halal (ISWAH) dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Samarahan, Sarawak.

Penganjuran forum ini juga

bersempena dengan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Forum ini diadakan bertujuan untuk membincangkan isu, cabaran dan kelestarian industri halal yang semakin berkembang dan mendapat perhatian masyarakat.

Antara objektif yang ingin dicapai dengan pelaksanaan program ini adalah untuk mendukung inisiatif kerajaan dalam mengadakan program atau aktiviti bersempena dengan Kempen Hari Bertindak.

Selain itu, melalui forum yang dilaksanakan ini ia membolehkan pelajar / mahasiswa untuk membincangkan isu semasa

berkaitan kedayatahanan industri halal daripada pelbagai perspektif dan menerapkan konsep 'Quality of Education' yang terdapat di dalam Sustainable Development Goals (SDGs).

Hadir menyertai forum selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah di PPHT, UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Di samping itu tenaga akademik dan pelajar daripada kedua-dua universiti juga hadir untuk mendengarkan forum tersebut.

Menurut Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah, bagi mencapai masa depan yang mampan melibatkan usaha kolektif daripada individu, komuniti, perniagaan dan kerajaan, dan beliau percaya dengan inisiatif forum ini, generasi muda kita akan berpeluang melontarkan idea kreatif dan inovatif mereka ke arah matlamat ini, memberikan pendapat mereka tentang inovasi dan komitmen untuk membina dan mengurus industri halal ke arah masa depan yang lebih mampan.

"Saya yakin program ini akan menyediakan platform kepada pelajar, khususnya yang menyertai program ini, untuk menimba ilmu dan menggalakkan mereka menjadi pemikir kritis."

"Selain itu, saya percaya program ini akan menggalakkan pengkajian persekitaran dan penyelidikan dalam kalangan ahli panel bagi menjana idea cemerlang, inovatif dan kreatif yang selaras dengan aspirasi negara untuk pembangunan industri halal serta maslahat untuk ummah," tambahnya.

Lebih 100 buku pelbagai genre menjadi pilihan orang ramai



LEBIH 100 judul buku dijual dalam pelbagai genre, iaitu ilmiah, umum, sastera, kanak-kanak dan komik, turut dijual majalah dan jurnal terbitan DBP dan buku terbitan DBP yang terbaru ialah Buku Mewarna BAKAT Wazien (atas dan atas kanan).

Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Promosi Jualan Buku Hujung Tahun bertempat di Kedai Buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Lapangan Terbang Lama, Berakas diadakan selama 16 hari, bermula dari 2 hingga 23 Disember 2023, mulai jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan jam 2.00 hingga 4.00 petang pada Isnin hingga Sabtu, kecuali Jumaat dan Ahad.

Projek DBP yang bermula sejak Disember 2021 sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Festival Disember Brunei (BDF),

bertujuan untuk mempromosi buku-buku terbitan DBP, meningkatkan kutipan hasil jualan dan menggalakkan orang ramai berkunjung ke Kedai Buku DBP.

Orang ramai juga berpeluang mendapat harga promosi dengan potongan 10 peratus hingga 70 peratus mengikut tahun terbit.

Acara diselanjurkan dengan pelancaran lebih daripada 19 buah buku terbaru terbitan DBP iaitu Asas Menternak Itik, penulis Dr. Haji Bakar bin Haji Berudin; Kamus Istilah Sains Marin, DBP; Dinamika Bahasa Melayu Jilid 2,



DBP; Penggunaan Bahasa Pada Nama Perniagaan, penulis Dayang Surinah binti Haji Nordin; Antologi Cerpen nukilan Ha.Wa., DBP; Diangdangan Kamaruddin II, DBP; Kumpulan Sajak Istirahat Hati, penulis Pengiran Haji Amirul Amin bin Pengiran Haji; Kumpulan Sajak NOTA KECIL #darifotokesajak, penulis Awang Md. Fathullah bin Haji Rashid; Kumpulan Sajak TiTiK, penulis Haji Awang Metussin bin Awang Ajak; Skrip Drama Pentas Pulau Chermin dalam Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka; Syair Sejarah Pulau Chermin, penulis Dato Paduka Haji Omar bin Haji Mat Serudin; Asal Usul Kampung Batu Marang, penulis Dayangku Hajah Juliani@Dayangku Hajah Aisyah Az-Zahra' binti Pengiran

Haji Idris; Asal Usul Tamarok, penulis Srinarawie bin Bidzah; Kisah Si Ambok dan Si Pisang Amas, penulis Dayemo@Abdul Aziz bin Haji Moktal (Oneyad); Mari Mengenali Kuih Tradisi Brunei, DBP; Paramedik Ayra, penulis Muhammad Hafizan bin Hasnan; Si Belalong dengan Naga, penulis Dayang Hajah Armah binti Haji Bair; Tuah Budiman, penulis Jawharati Hidop; dan Ustaz Kecil Akhlak Mulia, DBP.

Lebih 100 judul buku dijual dalam pelbagai genre, iaitu ilmiah, umum, sastera, kanak-kanak dan komik, turut dijual majalah dan jurnal terbitan DBP dan buku terbitan DBP yang terbaru ialah Buku Mewarna BAKAT Wazien.

Sambutan daripada orang ramai dalam acara promosi ini sangat menggalakkan terutama ibu bapa yang membawa anak-anak berkunjung untuk membeli buku dalam kategori kanak-kanak.

Antara objektif acara tersebut adalah untuk menggema dan menyemarakkan Sambutan Bulan Bahasa; mendukung Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan masyarakat bermaklumat, berpendidikan, berpengetahuan, berkualiti dan berwawasan.

Untuk panduan pelanggan, ada tiga cara pembayaran mudah iaitu kaedah e-Pembayaran perbankan digital (BIBD NEXGEN WALLET), bagi pesanan pembelian buku terbitan DBP secara dalam talian (*online*) ataupun secara *walk in*.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 39 :

Tafsirnya : "Maka sesiapa yang bertaubat sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

Kehidupan manusia tidak pernah sunyi daripada salah dan silap. Inilah yang kadang-kadang boleh membawa kepada berlakunya dosa. Ada masanya kita sedar dan ada kalanya pula kita tidak menyadarinya.

Disebabkan itulah umat Islam disuruh untuk sentiasa bertaubat daripada dosa, sama ada dari dosa kecil ataupun dosa besar. Ini kerana jika ternyata ada dosa dilakukannya, tidak syak lagi dosa-dosa inilah yang akan menyeret seseorang itu ke lembah api neraka sekiranya taubat tidak dilakukan dengan segera. Lebih-lebih lagi jika dosa itu dilakukannya dengan sengaja.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Pengampun. Setiap dosa yang dilakukan oleh hamba-Nya selagi seseorang itu memohon keampunan kepada-Nya sebelum datang ajalnya, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampuninya. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Pintu taubat sentiasa terbuka

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tetap menerima taubat seseorang hamba-Nya, selama nyawanya belum sampai di kerongkongnya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Menurut Imam An-Nawawi Rahimullah taubat itu bermaksud berhenti daripada melakukan dosa. Sesungguhnya pintu taubat itu sentiasa terbuka bagi orang yang mahu bertaubat. Tidak kira sebesar mana pun dosa kita, kesemua dosa itu akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala suka kepada hamba-hamba-Nya yang bertaubat.

Justeru, usah kita fikirkan betapa besar atau banyaknya dosa yang pernah kita lakukan, akan tetapi kita lihatlah pada luasnya rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang ingin bertaubat dan memperbaiki diri sendiri.

Diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menceritakan kisah ini kepada para sahabat supaya dijadikan sebagai satu iktibar dan teladan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Sebelum zaman kamu ada seorang lelaki yang telah membunuh 99 orang. Tiba-tiba timbul rasa bersalah di hatinya dan ingin bertaubat, lalu dia bertanyakan kepada seseorang dan ditunjukkan kepada seorang rahib lalu memberitahu rahib tersebut bahawa dia telah membunuh 99 orang dan bertanya apakah kemungkinan taubatnya masih diterima. Rahib tersebut menjawab "Tidak, tidak ada! Tidak ada taubat untukmu kerana perbuatan kamu itu terlalu kejam". Orang itu pun membunuh rahib tersebut sehingga genaplah 100 orang yang dibunuhnya.

"Kerana hatinya betul-betul hendak bertaubat dengan bersungguh-sungguh, maka ia tetap meneruskan untuk mencari orang alim yang boleh menerima penyesalannya. Sambil berjalan ia memikirkan, siapakah dan di mana dari penduduk bumi ini yang pandai dan alim. Akhirnya bertemu ia kepada orang alim lalu menceritakan bahawa dirinya telah membunuh 100 orang, apakah mungkin jika dia bertaubat, taubatnya akan diterima? Setelah mendengar keluh kesahnya dengan saksama, orang alim tersebut akhirnya memberikan jawapan yang dinanti-nantikan oleh lelaki ini. Orang alim tersebut menjawab, "Ya masih diterima. Siapakah yang boleh menghalangi antara seseorang dan taubatnya" Seterusnya dia menyuruh lelaki itu pergi ke sebuah negeri yang terdapat sekumpulan Abid (ahl ibadah) dan menyuruhnya tinggal di sana dan beribadat bersama mereka serta melarangnya pulang

ke negeri asalnya yang penuh dengan kemaksiatan.

"Lelaki itu mengucapkan terima kasih lalu pergi menuju ke negeri yang diterangkan oleh orang alim tadi. Baru saja sampai setengah perjalanan, dia jatuh sakit lalu meninggal dunia. Ketika itu terjadilah perdebatan antara dua malaikat, iaitu Malaikat Rahmat dan Malaikat Azab. Malaikat Rahmat ingin membawa roh lelaki itu ke syurga dan berkata, dia datang dalam keadaan sudah bertaubat secara ikhlas kerana Allah. Sementara Malaikat Azab mengatakan dia mati dalam keadaan Suul Khatimah kerana dia telah membunuh 100 orang dan masih belum berbuat kebaikan sama sekali. Mereka saling berebut dan tidak dapat memutuskan keadaan lelaki itu. Allah Subhanahu Wata'ala kemudian menghantar malaikat lain menyerupai manusia untuk mengadili perdebatan mereka berdua. Malaikat itu berkata, kalau begitu, ukurlah akan kamu jarak dari sini ke negeri yang ditinggalkan dan ke negeri yang hendak dituju lelaki itu. Sekiranya jaraknya lebih dekat dengan tempat kebajikan, maka dia adalah miliki Malaikat Rahmat. Sebaliknya apabila jaraknya dekat dengan tempat asalnya, maka dia adalah milik Malaikat Azab. Setelah diukur, didapati jarak ke negeri kebajikan melebihi ukuran sejengkal sahaja. Lalu roh lelaki itu terus diambil oleh Malaikat Rahmat".

Sesungguhnya kisah ini memberikan pengajaran yang amat berharga, bahawa walau sebesar mana pun dosa yang telah kita lakukan, besar lagi pengampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala selagi kita tidak menyukutukannya.

Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan banyak kebajikan dan keistimewaan kepada para hamba-Nya yang bertaubat. Bertaubat itu tidak hanya dilihat sebagai perbuatan memohon keampunan semata-mata bahkan ia mengandungi banyak hikmah. Antaranya memperoleh kecintaan Allah Subhanahu Wata'ala, menjadi penolak azab Allah Subhanahu Wata'ala, menerima jaminan Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperoleh kebaikan dan menikmati kelancaran serta keluasan rezeki.

Sesungguhnya untuk bertaubat, perlulah inisiatif tertentu yang mesti dilakukan oleh seseorang dalam mencari jalan yang dapat membantunya untuk membersihkan dirinya daripada sebarang dosa. Oleh yang demikian, terdapat beberapa langkah yang boleh dipraktikkan dalam membantu seseorang untuk menjernihkan jiwanya daripada sebarang kotoran dosa, antaranya ialah :

Pertama : Hendaklah meninggalkan tempat yang boleh mendorong seseorang melakukan maksiat, kerana kehadiran

seseorang itu di tempat yang boleh mendatangkan dosa adalah amat bahaya kepada dirinya, di mana situasi itu akan mudah mempengaruhi dan menjebaknya ke dalam perangkap dosa.

Kedua : Memilih kawan yang baik dan menghindari kawan yang tidak baik. Memang tidak dinafikan, kawan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kawannya yang lain. Hal ini disebabkan kawan adalah di antara orang yang paling rapat dengan seseorang dalam pergaulan sehariannya. Pengaruh yang tidak baik adalah lebih mudah memberi kesan, lebih cepat memberi tindak balas berbanding dengan pengaruh yang baik. Ini dapat dilihat daripada apa yang sering berlaku di mana-mana.

Ketiga : Memperbanyak istighfar dan sentiasa menyesal terhadap dosa yang lalu. Maka dengan itu dia akan sentiasa merasakan betapa keji dan buruknya maksiat itu, betapa besar kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala akan menimpak orang yang melakukannya. Tidak syak lagi penyesalannya itu akan menjadi benteng kepadanya supaya dia sentiasa berhati-hati dalam segala tindak-tanduknya pada hari-hari yang mendatang.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada memberitahu mengenai satu amalan yang jika dibaca 100 kali dalam sehari, maka dosa seseorang itu akan dihapuskan, meskipun sebanyak buih di laut. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa membaca Subhanallah Wabihamidh (Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya) 100 kali dalam sehari dalam sehari, maka dosanya akan dihapus, meskipun sebanyak buih di laut". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Akhirnya, selagi kita masih diberi peluang untuk bernafas, pohonlah taubat dan keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebelum terlambat kerana ajal maut itu boleh datang menjemput pada bila-bila masa sahaja. Sama-sama kita berdoa semoga kita termasuk dalam kalangan mereka yang sentiasa bertaubat dan diterima taubat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala serta dimasukkan ke dalam syurga Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat-Nya juga. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dia berdoa : "Ya Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri maka ampunilah aku," lalu Allah pun mengampuninya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih". (Surah Al-Qasas, ayat 16)

Mualaf perlu bimbingan, dengan bercara hidup Islam

HALUAN

>> Muka 2

Sementara bagi kalangan majoriti saudara-saudara baharu, maafkan menyebut 'seperti awda' dalam apa keadaan yang lazim diketahui bahawa majoriti saudara-saudara baharu yang bertitle sementara sebagai mualaf maka awda adalah memerlukan bimbingan supaya bercara hidup dan beribadat secara Islam. Maka itulah diadakan program dan skim bimbingan seperti yang awda telah ikuti. Syukurlah.

PDI melalui Bahagian Pengembangan Muallafnya ada mengaturkan beberapa program dan skim-skim bimbingan. Ada program yang disebut sebagai Program Tarbiyah Sepanjang Hayat dengan skim-skim bimbingannya. Begitu juga Program Lawatan Tarbiyah Muallaf dengan skim lawatan ke rumah-rumah saudara baharu bagi memantau tahap keislaman orang mualaf sambil membimbing untuk menghalusi amalan Fardu Ain.

Ada juga program yang disebut Program Semasa Tarbiyah yang diadakan di

Bangunan PDI berupa kursus, bengkel ibadat sembahyang dan ibadat haji. Dan juga ceramah / tazkirah sempena hari-hari kebesaran dan bersejarah dalam Islam.

Kita menaruh harapan, bahkan saya meminta semua program bimbingan mualaf dengan segala skim-skimnya yang ada itu akan lebih giat dilaksanakan. Bahkan perlu dikaji impaknya secara objektif.

Tentu sahaja ia perlu sesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa dan terkini. Misalnya dakwah ke pedalaman sudah tidak lagi seperti dahulu ketika era perhubungan masih melalui sungai dan merentas hutan. Sekarang sudah ada jalan raya yang sampai ke pedalaman.

Maka dengan kemudahan perhubungan seperti sekarang sesualah kekerapan lawatan rombongan dakwah ke pedalaman mudah sekali ditingkatkan, bahkan cara dan bentuknya pun sudah boleh dilakukan dalam cara dan bentuk-bentuk yang lebih menarik. Dalam semua itu apa yang disebut dakwah *bilhal* juga tetap sesuai dan diperlukan bagi menyantuni penduduk-penduduk pedalaman.

Sungguh pun ada cara menyampaikan dakwah secara maya dan media sosial lainnya termasuk penyiaran radio dan

televisyen namun cara sedemikian tidak menepati erti kata dakwah secara langsung apa lagi bagi pelaksanaan dakwah *bilhal* yang berimpak tinggi, jelas berkesan menepati tujuan berdakwah kepada sesetengah sasaran tertentu di pedalaman.

Sementara itu saya berharap kalangan mualaf seperti awda hendaklah mengambil peluang daripada apa juar usaha bagi memantapkan keislaman awda sekalian supaya akan lebih mudah menserasikan diri ke dalam masyarakat besar umat Islam di negara ini.

Usaha menserasikan diri ataupun menyesuaikan diri ke dalam masyarakat besar umat Islam itu haruslah menjadi keutamaan kalangan mualaf seperti awda. Sebab awda tidak selamanya harus dikenali dan mengenal diri awda sebagai kelompok mualaf.

Sejarah kita dan bahkan sejarah bangsa-bangsa yang berugama Islam dari zaman dahulu hingga ke zaman yang canggih sekarang ini tidak ada namanya rakyat atau penduduk yang kekal atau mengekal dirinya menjadi rakyat atau penduduk mualaf.

Sebab sebutan atau gelaran mualaf itu hanyalah sebutan, hanyalah gelaran

sementara dalam proses peralihan dan penyesuaian, proses penserasian diri ke dalam masyarakat besar umat Islam.

Tidak ada bangsa Islam yang dikenali dengan kelompok kaum atau puak atau bangsa bernama atau disebut bangsa, puak atau kaum mualaf.

Saya tegaskan lagi bahawa sebutan mualaf itu adalah setakat guna sementara dalam tempoh peralihan dan penserasian atau penyesuaian diri ke dalam masyarakat besar bangsa dan umat Islam.

Cepat atau lambatnya tempoh itu banyak dipengaruhi oleh kesediaan kalangan mualaf itu sendiri. Antaranya ialah dengan mempergunakan peluang-peluang mempelajari dan menyesuaikan diri dengan bercara hidup Islam seperti yang diusahakan oleh PDI, KHEU menerusi program dan skim-skim bimbingan mualaf seperti yang awda telah ikuti dan akan menerima sijil tanda awda adalah berusaha untuk menserasikan diri dengan masyarakat besar umat Islam senegara.

Ke arah itu dengan niat murni dan usaha yang bersungguh-sungguh, insyaaAllah awda akan berjaya. Selamat maju jaya.

Demikianlah. *Wabillahit Taufik*
Walhidayah
Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Pengampun. Setiap dosa yang dilakukan oleh hambaNya selagi seseorang itu memohon keampunan kepadaNya sebelum datang ajalnya, maka Allah SWT akan mengampuninya.

Taubat

- Maksud taubat: berhenti daripada melakukan dosa
- Pintu taubat sentiasa terbuka bagi orang yang mahu bertaubat, tidak kira sebesar mana pun dosa kita
- Untuk bertaubat, perlu ada inisiatif tertentu untuk membersihkan dirinya daripada sebarang dosa

Terdapat beberapa langkah yang boleh dipraktikkan dalam membantu seseorang untuk menjernihkan jiwanya daripada sebarang kotoran dosa, antaranya ialah:



Hendaklah meninggalkan tempat yang boleh mendorong seseorang melakukan maksiat



Memilih kawan yang baik dan menghindari kawan yang tidak baik



Memperbanyak Istighfar dan sentiasa menyesal terhadap dosa yang lalu

Allah SWT menjanjikan banyak kebaikan dan keistimewaan kepada para hambaNya yang bertaubat. Antara hikmah taubat ialah:



Memperolehi kecintaan Allah SWT



Menjadi penolak azab Allah SWT



Menerima jaminan Allah SWT dengan memperolehi kebaikan dan menikmati ganjaran serta keluasan rezeki

دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا فُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَنَّوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَاتَ السَّمَوَاتُ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعَ عِنْدَهُ إِلَّا يَادِنَهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَنْجِطُونَ شَيْءٌ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْأَشِأُهُ وَسَعَ كُرْبَيْسِيَّةُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تُنْهَلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنْفَرِّجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْفَضِّلُ بِهِ الْحُوَاجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَغَابُ وَحُسْنُ الْحَوَافِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi mengagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAIN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Soal tarikh dan pengurusan Majlis Kelulusan Pengurusan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (informasi / perincian / Pengurusan Perkhidmatan Awam / Istilah-Istilah / kelayakan profesional dan lama-lama yang diperlukan di dalam skim anda)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

	Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PEGAWAI PELAJARAN G.13 (BAHAGIAN II) 2023/DEC/04	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	02	7(A)	30 DISEMBER 2023
2.	KERANI PERANGKAAN D.1-2 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2023/DEC/07	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	30 DISEMBER 2023
3.	PEMBACA METER TINGKAT I D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2023/DEC/05	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	30 DISEMBER 2023
4.	PEMBACA METER E.1-2 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/DEC/03	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	06	7(A)	30 DISEMBER 2023
5.	PENGAWAS KECIL PROJEK E.1-2 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/DEC/06	JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	01 JANUARI 2024

- PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN MUZEUM-MUZEUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Sebut Harga
Bilangan Sebut Harga:
 44 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024)

Tajuk Sebut Harga:

Sebut Harga Bagi Pembelian Lapik Meja Baru Di Bilik Pekerma Dewa, Arkib Negara

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Khamis,
 11 Januari 2024.
 Jam 2.00 Petang.

**JABATAN MUZEUM-MUZEUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Tawaran
Bilangan Tawaran:
 43 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024) - R

Tajuk Tawaran:

Pembelian Mannequins Untuk Pameran Muzeum Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzeum-Muzeum

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Selasa,
 9 Januari 2024.
 Jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**
Bilangan Tawaran :
 UBD / E8 / 017 / 2023 - [G]

Tajuk Tawaran :
 E-Tender : Supply and Delivery Of Security Services For the Perimeter and Buildings Of Universiti Brunei Darussalam For Three (3) Years

Bayaran Dokumen & Pentadbiran :
 BND55.00
 [Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Selasa,
 2 Januari 2024.
 Jam 2.00 Petang.

**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**
Kenyataan Tawaran
Bilangan Tawaran 1 :
 JBBSB / SH / 2023 - 2024 / 53 / BKB / 21

Tajuk Tawaran :
 Proposed Landscaping Works At Kawasan Lapang Lot 32170, Kampung Pusar Ulak.

Tarikh Tawaran :
 21 Disember 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
 Khamis,
 4 Januari 2024.
 Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**
Pemberitahuan Tawaran
Bilangan Tawaran :
 JBT / S / 10 / 2023-2023

Tajuk Tawaran :
 Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pemeliharaan Aset-Aset Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Tutong.

Tarikh Tutup Tawaran :
 Rabu,
 27 Disember 2023.
 Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENERBANGAN
AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
Pemberitahuan Sebut Harga
Tajuk dan Bilangan Tawaran:
 Renovation Works For Meeting / Training Room and Administration Office At Air Traffic Service Centre (ATSC), Department Of Civil Aviation ANS / 2023 / SH-12

Tarikh Iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :
 20 Disember 2023,
 Rabu.

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :
 2 Januari 2024,
 Selasa.

Tarikh tutup Sebut Harga :
 3 Januari 2024,
 Rabu.
 Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
 Penolong Pensyarah (Bergaji Hari)

Bahagian : II

Kekosongan : Satu (1)

Bidang :
 Pengajian Urus Tadbir Islam

Fakulti :
 Institut Pengajian Dasar

Tarikh Tutup Permohonan :
 Sabtu,
 30 Disember 2023.

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**
Pemberitahuan Sebut Harga
Bilangan Sebut Harga:
 IKAN / 78(Q) / 0061 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
 Supply, Delivery and Installation Of Office Furniture For Licensing Counter Lobby and Licensing Section Office / Meeting Room

Yuran Sebut Harga:
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Khamis,
 4 Januari 2024.
 Jam 2.00 Petang.


KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1000 mg



Sebijji
Telur Masin

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

880 mg



1 sudu makan
Kicap

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

15 mg



3 keping
Kraker Beras

1.2 mg



Sebijji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

8 PREMIS PERNIAGAAN DIKENAKAN DENDA KOMPAUN, NOTIS AMARAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mendapati lapan buah premis perniagaan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sepanjang November 2023.

Berikut hasil pemeriksaan rutin harian dan aduan pengguna

yang diterima secara rasmi di bawah mandat Akta Kawalan Harga, Penggal 142, JPES mengeluarkan sebanyak empat kompaun dan empat notis amaran atas kesalahan-kesalahan menjual minyak masak dan susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan; tidak membubuh tanda harga pada barang yang dijual; dan mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah Jannah Department Store Sdn. Bhd., Kampung Bunut; Fataj Sdn. Bhd., Kampung Mabohai; dan Hidayah Haris Enterprise, Kampung Jerudong kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 3B : Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga (produk minyak masak dan susu tepung formula anak damit) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND500 kecuali Hidayah Haris Enterprise dikenakan denda kompaun sebanyak BND700.

Manakala Seri Yasra Enterprise Sdn. Bhd., Kampung Kiulap pula melakukan kesalahan di bawah Bab 5 : Tidak mempamerkan harga pada mana-mana barang dan/atau memaparkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem pembayaran dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND500.

JPES secara berterusan mengingatkan para peniaga untuk sentiasa peka dengan harga-harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang di kawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Maklumat harga maksimum boleh diperoleh di dalam aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak' dan di laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn/cad.

Para peniaga juga diseru untuk mengamalkan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab dengan memastikan barang yang dijual di dalam premis perniagaan dibubuh tanda harga yang jelas,



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik di Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa membuat pemeriksaan (atas dan kiri).

tepat dan tidak mengelirukan pengguna.

Sehubungan dengan itu, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada para pengguna yang menyalurkan aduan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar melalui

saluran-saluran rasmi, iaitu aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak', Talian Darussalam 123 dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak' dan laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn/cad.



Denda kompaun : Buang sampah di tempat awam



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Rabu, 20 Disember. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan

Rampaian 2021 iaitu disebabkan oleh membuang sampah di merata tempat di kawasan tapak projek di tempat awam, baru-baru ini.

Syarikat Sai Yuk Sendirian Berhad beralamat Lot : 4983,



Kampung Sinaut Tutong telah dikenakan denda Bab 12 (1)(a) Skala Kecil (Minima) sebanyak BND500 di bawah Akta

Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan, tapak projek dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

UNISSA ANJUR KURSUS BELAJAR BAHASA AL-QURAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk mengikuti Kursus Belajar Bahasa Al-Quran bagi Sesi Januari 2024.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA tersebut, Bahasa Al-Quran adalah bahasa yang menjadi sarana yang sangat efektif untuk memahami kemurnian pelaksanaan ibadah. Keistimewaan Bahasa

Al-Quran ini nampak terserlah dengan penurunan Al-Quran itu sendiri yang bukan hanya ditujukan kepada bangsa Arab sahaja malahan untuk seluruh umat manusia sepanjang zaman.

Oleh itu, UNISSA menawarkan dua program kepada orang ramai iaitu Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran I (MBBQ) (A), Kursus Al-Mutabdi' dan MBBQ I (B) : Kursus Al-Mutawassit.

Bengkel ini akan diadakan setiap Jumaat, bermula pada 19 Januari 2024 iaitu pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di Kampus UNISSA, Gadong.

Orang ramai yang ingin mendaftar boleh mengimbas Kod QR yang tertera di infografik yang disediakan sebelum tarikh tutup iaitu Rabu, 3 Januari 2024.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian WhatsApp ke nombor +673 8254374 atau e-mel C4L@unissa.edu.bn.

KURSUS BELAJAR BAHASA AL-QURAN

ANJURAN
PUTUS KEPIMPINAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

DENGAN
KERJASAMA
FAKULTI BAHASA ARAB
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI

MODUL YANG DITAWARKAN

- MBBQ I(A) : KURSUS AL-MUTABDI'
- MBBQ I(B) : KURSUS AL-MUTAWASSIT

TARIKH BERMULA PROGRAM 19 JANUARI 2024	TARIKH TUTUP PENDAFTARAN 03 JANUARI 2024	TEMPOH PROGRAM 12 MINGGU BAGI SETIAP MODUL SETIAP HARI JUMA'AT 8:30 PAGI HINGGA 10:30 PAGI
UNTUK PENDAFTARAN 	KETERANGAN LANJUT: PUTUS KEPIMPINAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI SIMPANG 347, JALAN PASAR GADONG GADONG BE 1310 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	246 2000 204/202 +673 8254374 (Telepon / WhatsApp) C4L@unissa.edu.bn www.unissa.edu.bn

Lebih 20 peserta sertai Kursus Asas Buat Roti Canai



ANTARA yang menyertai Kursus Asas Buat Roti Canai yang dianjurkan oleh Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait (atas dan bawah).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait

BELAIT, Rabu, 20 Disember. - Kursus Asas Buat Roti Canai diadakan pada hari ini dan dianjurkan oleh Pusat Belia, Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Belait. Kursus tersebut diadakan dengan kerjasama Ilmar Enterprise bagi sama-sama menjayakan lagi kursus berkenaan.

Lebih 20 golongan belia yang memerlukan, persatuan-persatuan dan masyarakat di Daerah Belait menyertai kursus tersebut yang diadakan di pusat berkenaan di sini.

Kursus Asas Buat Roti Canai

yang diadakan selama satu hari itu antara lain bertujuan untuk mempelajari teknik dan mengasah lagi kepakaran serta kemahiran dalam pembuatan roti canai sekali gus melahirkan lagi pembuat roti canai khususnya dalam kalangan peserta yang menyertai kursus tersebut.

Selain itu, kursus berkenaan turut diisikan dengan penerangan mengenai roti canai, prinsip perniagaan, jenis-jenis resipi berasaskan roti canai, pengolahan roti dan yang menarik, mempelajari kemahiran mengibar roti canai.



سورو هنجاي فر خدمتن عوام SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.



HARI TERBUKA PUSAT SEJARAH BRUNEI 23, 24 DISEMBER

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Infografik : Ihsan Pusat Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Disember. - Bagi memeriahkan lagi Brunei December Festival (BDF) 2023, Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dan AIZ Management, mengadakan Hari Terbuka PSB dengan tema 'Bersama Mengelinga' pada Sabtu, 23 Disember 2023 dan Ahad, 24 Disember 2023 di PSB, ibu negara.

Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang acara berlangsung antaranya Pertandingan PUBG, Go Kart, Kuiz Interaktif, Susun Kata Sejarah, Find, Snap and Win, jualan makanan dan banyak lagi.

Pada 23 Disember 2023, acara akan bermula pada jam 12.30 tengah hari hingga 10.00 malam dan pada 24 Disember 2023, acara akan bermula pada 6.45 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Orang ramai dialu-alukan untuk



datang bagi memeriahkan Hari Terbuka PSB dan musim cuti persekolahan ini dengan menyertai

aktiviti-aktiviti menarik sepanjang acara berlangsung.
Untuk maklumat lanjut,



layari Instagram @Pusatsejarahbrunei atau laman sesawang www.pusat-sejarah.gov.bn.

PSB atau laman sesawang www.pusat-sejarah.gov.bn.

Berwaspada dengan keadaan cuaca tidak menentu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Keadaan cuaca tidak menentu yang melanda negara ketika ini memerlukan orang ramai untuk sentiasa peka dan mengambil langkah berjaga-jaga serta berwaspada demi keselamatan kita semua.

Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui siaran akhbarnya yang terkini memaklumkan bahawa keadaan cuaca aktif dijangka bermula pada Khamis, 21 Disember 2023 sehingga Ahad, 24 Disember 2023, dengan hujan lebat berpetir sekali-sekala berlaku dan kelajuan angin kencang boleh meningkat sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat berpetir.

Manakala di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, dengan ketinggian ombak mencapai sehingga 2.0 meter.

Keadaan berkenaan adalah disebabkan Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di Monsun Timur Laut dan dijangka akan berterusan sehingga sekitar hujung Mac 2024.

Semasa tempoh dua bulan pertama Monsun Timur Laut, iaitu Disember 2023; dan Januari 2024, yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, negara lazimnya menerima turunan hujan yang banyak dan merekodkan bilangan hari-hari berhujan tertinggi jika dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain.

Semasa tempoh berkenaan, negara mengalami keadaan cuaca tidak menentu dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Keadaan cuaca tidak menentu dijangkakan bagi beberapa hari yang akan datang disebabkan oleh pertembungan liruan angin sejuk dengan satu sistem tekanan rendah berdekatan dengan negara kita yang menjadikan keadaan atmosfera lebih lembap dan

seterusnya meningkatkan pembentukan awan-awan hujan.

Dalam hubungan itu, BDMD menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku kerana terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Risiko pokok tumbang dan tanah susur juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin. Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh BDMD dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Di samping itu, orang ramai juga dinasihat supaya mengurangkan aktiviti di luar; jangan keluar rumah atau memandu semasa keadaan hujan lebat jika tidak ada keperluan yang sangat penting; dan jika terperangkap dalam keadaan cuaca buruk, carilah tempat yang selamat untuk berhenti.

Orang ramai juga turut diingatkan agar sentiasa berhati-hati semasa memandu, berjalan kaki, berbasikal dan mendaki bukit, terutama sekali semasa keadaan cuaca yang tidak menentu, dikhawatir pokok tumbang yang boleh mendatangkan bahaya kemalangan.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga disarankan untuk tidak melakukan aktiviti-aktiviti di air atau pantai, di samping tidak meletakkan kenderaan di kawasan berdekatan dengan kawasan yang berisiko, seperti di bawah pokok, tiang elektrik atau mana-mana objek yang tinggi.

BDMD akan terus memantau

keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu 'Brunei WX', kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram kami Brunei Weather.





MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023
- 'Memupuk Semangat Kesukarelawan'. Tarikh Tutup : 03 Januari 2024
- 'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan '. Tarikh Tutup : 10 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

28 JEMAAH UMRAH BERLEPAS KE ARAB SAUDI



SEKUMPULAN 28 orang dari Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB), pengendali haji dan umrah terkemuka di Negara Brunei Darussalam, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke Arab Saudi.

Siaran Akbar dan Foto : Darussalam Services Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Sekumpulan 28 orang dari Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB), pengendali haji

dan umrah terkemuka di Negara Brunei Darussalam, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ke Arab Saudi hari ini, yang menandakan rombongan umrah

ke-11 bagi Disember 2023.

Kumpulan berkenaan akan tiba di Jeddah melalui Singapura dan akan terus ke Madinah Al-Munawwarah dengan penerbangan Scoot, Singapore Airline.

ia juga merupakan kumpulan kedua yang akan ke Taif, untuk satu malam sebelum menuaikan umrah di Makkah Al-Mukarramah.

Kumpulan seterusnya akan berlepas ke Arab Saudi pada 23 Disember 2023.

Menjelang penghujung cuti persekolahan Disember, NBD menyaksikan pergerakan berterusan penduduk NBD melakukan perjalanan suci ke kota suci Makkah dan Madinah untuk perjalanan keagamaan mereka.

Bagi rombongan umrah pada 2024, DSSB ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kadar harga pakej umrah Ramadan - Syawal akan dimaklumkan tidak lama lagi, dan tempat duduk masih tersedia bagi mereka yang berminat untuk menyertainya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi +673 22319645 atau melalui WhatsApp menerusi talian +673 8988509 untuk pertanyaan haji dan umrah.

Operasi Bersepadu Sakat dapat pelbagai kesalahan

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Bersepadu Sakat 172/2023 dijalankan bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan (BSB) melaksanakan satu Operasi Bersepadu Sakat 172/2023 bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang melibatkan pegawai dan anggota daripada Bahagian

Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Buruh; Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE); dan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan.

Operasi Bersepadu Sakat 172/2023 menyasarkan kepada beberapa buah rumah sewa di Mukim Berakas 'A'.

Hasil daripada Operasi Bersepadu yang dilaksanakan di Mukim

Berakas 'A' telah pun menemukan 18 warganegara Bangladesh ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, BSB bagi siasatan lanjut.

Daripada 18 orang yang ditahan, 17 orang gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah semasa pemeriksaan dijalankan.

Manakala itu, seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa setelah pasnya mansuh di negara ini.

Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Buruh mengambil tindakan lanjut terhadap penempatan tempat tinggal warganegara asing yang tinggal di rumah-rumah sewa berkenaan dalam memastikan ia adalah mengikut pelaksanaan seperti mana juga di bawah peruntukan undang-undang Jabatan Buruh.

Sementara itu, JPE telah mengambil tindakan dengan memotong pendawaian elektrik pada dua buah rumah sewa yang diperiksa kerana tidak mengikuti panduan keselamatan elektrik dan pendawaian yang dilakukan oleh pemberong yang tidak berdaftar.

Manakala ABCi turut mengambil tindakan semasa pemeriksaan yang dijalankan kerana membangun tempat tinggal tanpa kebenaran ABCi.

Operasi Bersepadu berkenaan adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

JIPK turut mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (BSB) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Keputusan Peperiksaan Pra-STPUB, STPUB dikeluarkan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengeluarkan keputusan Peperiksaan-peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masih (bagi calon-calon Pra-U1 dan Pra-U2) di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam peperiksaan Pra-STPUB, daripada seramai 390 calon (pelajar Pra-U1) yang menduduki Peperiksaan Pra-STPUB, seramai 388 calon (99.49 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya satu pangkat Jayyid / Kepujian (meningkat sebanyak 0.18 peratus daripada pencapaian calon pada 2022) dan daripada jumlah berkenaan, seramai 276 calon (70.77 peratus) berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayyid / Kepujian dalam semua mata pelajaran yang diduduki, pertambahan seramai 55 calon daripada 2022.

Manakala bagi Peperiksaan STPUB, seramai 285 calon menduduki peperiksaan STPUB dan daripada jumlah berkenaan, seramai 281 calon (98.60 peratus) lulus, peningkatan sebanyak 3.34 peratus daripada 2022; dan daripada jumlah lulus berkenaan, 152 calon (53.33 peratus) memperoleh pangkat Mumtaz / Cemerlang, juga meningkat sebanyak 9.53 peratus daripada tahun lalu.

Pihak sekolah yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Sabtu, 10 Jamadilakhir 1445H bersamaan 23 Disember 2023M di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bermula jam 9.00 pagi.

Sehubungan dengan itu, para calon yang menduduki peperiksaan-peperiksaan berkenaan bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Bagi para calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON (jarak) NOMBOR KAD PENGENALAN PINTAR dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

Oleh : Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei

SIRI PERTAMA

TAHUN 2023 akan berlalu sebentar sahaja lagi. Tahun ini telah banyak menguji dunia dengan pelbagai peristiwa yang benar-benar membuka mata dunia. Ketidaktentuan iklim cuaca, kekejaman zionis Israel kepada rakyat Palestin adalah antara peristiwa yang menjadi sorotan dunia pada tahun ini. Semoga tahun depan akan membawa sinar keamanan, kesejahteraan serta kesepakatan sejagat tanpa mengira bangsa dan agama. Berikut adalah paparan rentetan peristiwa 2023 yang berlaku di negara ini.

Bersanding berseri mempelai diraja di singgahsana

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, memperkenan keunikan dan kekayaan tatasusila serta Adat Istiadat Diraja Brunei yang diamalkan sejak zaman-berzaman.

Pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah RB baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 17 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, memperkenan keunikan dan kekayaan tatasusila serta Adat Istiadat Diraja Brunei yang diamalkan sejak zaman-berzaman.

Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2023

Abdul Rashid untuk dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) yang mana tarikh pelantikan berkenaan berkuat kuasa mulai Rabu, 25 Jamadilakhir 1444H bersamaan 18 Januari 2023M.

Pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Negara baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berikut dengan pembubaran Majlis Mesyuarat Negara, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perintah bagi pelantikan keahlian Majlis Mesyuarat Negara yang baru. Tarikh lantikan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baru berkenaan berkuat kuasa mulai Jumaat, 27 Jamadilakhir 1444H bersamaan 20 Januari 2023M.

Perdana Menteri Malaysia tiba di NBD bagi Lawatan Rasmi

BERAKAS, Selasa, 24 Januari. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail serta rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi

mengadakan Lawatan Rasmi selama dua hari. Ini merupakan Lawatan Rasmi pertama Yang Amat Berhormat ke NBD sebagai Perdana Menteri Malaysia sejak pelantikannya pada 24 November 2022.

Tingkat kredibiliti, kapasiti pembelajaran pegawai kadet

TANAH JAMBU, Khamis, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji

bagi Pegawai-pegawai Kadet Pengambilan Ke-21, Sekolah Pegawai Kadet yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Kampung Tanah Jambu bahawa Akademi Pertahanan memang perlu untuk membuat kolaborasi dengan universiti dan institusi pendidikan tentera sama ada dari luar negara mahupun tempatan sebagai academic provider kepada Akademi Pertahanan.

Bersama melangkah ke fasa pemuliharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail berserta dengan ahli-ahli kerabat diraja dan rombongan dari Malaysia.

Ahli MMN angkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Januari. - Upacara Mengangkat Sumpah bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang baru dilantik pada 20 Januari lalu, berlangsung di Dewan Persidangan, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Upacara tersebut adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Perkara 49 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, iaitu tiap-tiap Ahli MMN, sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatan dan menduduki kerusi masing-masing, hendaklah mengangkat sumpah dan menandatangani pengakuan di hadapan Yang Di-Pertua dalam bentuk yang dinyatakan dalam Borang IV di dalam Jadual Pertama.

BIBD raikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-30

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) meraikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-30 Tahun BIBD, dengan merasmikan Galeri Peringatan Ulang Tahun Ke-30 Tahun BIBD di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di ibu negara, di sini.

Persidangan tumpu majukan ekonomi digital

BERAKAS, Khamis, 2 Februari. - Lebih 300 peserta mengambil bahagian dalam The National Business Conference 2023 yang membawakan tema 'Beyond Recovery: Achieving a Sustainable and Digital Future' yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini. Persidangan itu bertujuan untuk meneroka bagaimana sektor awam dan swasta boleh bekerjasama dalam sama-sama memajukan ekonomi digital yang mampan dan berusaha ke arah mencapai



Wawasan Brunei 2035.

AMER9-IEW 2023 : Usaha percepatkan peralihan tenaga, tingkatkan landskap hidrogen hijau

REPUBLIK INDIA, Selasa, 7 Februari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, berada di Republik India bagi menghadiri 9th Asian Ministerial Energy Roundtable (AMER9) yang diadakan seiring bersama Minggu Tenaga India 2023 (India Energy Week 2023 - IEW 2023) yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Bangalore, Bengaluru, Republik India dari 6 hingga 8 Februari 2023.

Kebawah DYMM menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Menteri Negara (Indo-Pasifik), UK

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Negara (Indo-Pasifik), United Kingdom (UK), The Rt. Hon. Anne-Marie Trevelyan yang berada di negara ini bagi The 2nd Brunei Darussalam - UK Strategic Dialogue.

Penandatanganan MoU penaiktarafan BGEC

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang Republik Rakyat China menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai penaiktarafan Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi (BGEC) pada 2 Februari 2023, sempena Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Bersama BGEC JCC Kali Ke-3, yang diadakan secara dalam talian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di sini.

>> Muka 21



>> Muka 20

Mengukuhkan usaha serantau promosikan pelancongan ASEAN

YOGYAKARTA, INDONESIA, Isnin, 6 Februari. - Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Ke-26 (The 26th Meeting of ASEAN Tourism Ministers - 26th M-ATM) dan Mesyuarat Berkaitan Campur Tiga (22nd M-ATM Plus Three); India (10th Meeting of ASEAN-India); dan Persekutuan Rusia (2nd Meeting of ASEAN-Russian Federation Tourism Ministers) diadakan pada 4 Februari lalu di Yogyakarta, Republik Indonesia. Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ketua Delegasi.

Pengambilan pekerja perlu cekap, adil

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh dan isteri, Puan Le Thi Bich Tran beserta dengan ahli-ahli kerabat diraja dan rombongan dari Republik Sosialis Viet Nam.

Kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang diperkuuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, satu perkara yang sama-sama terbeban kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ialah mengenai rungutan orang ramai tentang cara-cara pengambilan pekerja yang dikatakan kurang cukup dan bahkan kurang adil. Baginda bertitah, ia dikatakan kurang cekap kerana berlakunya kelambatan dalam proses permohonan-permohonan jawatan, sementara dikatakan kurang adil pula ialah berhubung dengan perkara-perkara temu duga dan ujian bertulis yang dilihat banyak kelemahan-kelebihannya.

Baginda bertitah menegaskan perkara tersebut dalam titah baginda semasa berkenan berangkat mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke SPA dan JPA.

Berkenan berangkat mengalui-alukan ketibaan PM Republik Sosialis Viet Nam

BERAKAS, Jumaat, 10 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalui-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh dan isteri, Puan Le Thi Bich Tran serta rombongan yang mengadakan Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam. Ini adalah merupakan Lawatan Rasmi pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam sejak pelantikannya pada 5 April 2021.

Pusat Kecemerlangan Sejarah, Kesultanan Brunei dilancarkan

ANGGEREK DESA, Khamis, 9

Februari. - Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei sempena 41 Tahun Penubuhan Pusat Sejarah Brunei (PSB) berlangsung di Pusat Pengkajian Borneo, Anggerik Desa, di sini. Majlis turut diselajurkan dengan perasmian Bilik Rujukan Khas Sumber Sejarah dan Kesultanan Brunei yang dikenali sebagai Bilik Koleksi Sumber Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.



adalah paling dibangkitkan oleh kakitangan syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat.

Berkenan berangkat memperkerusikan Mesyuarat MTWB 2035

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat memperkerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB 2035) Kali Pertama bagi Tahun 2023 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Mesyuarat MTWB 2035 antara lain membincangkan mengenai perkembangan Wawasan Brunei 2035 yang merangkumi Economic Blueprint, Manpower Blueprint dan Social Blueprint serta rancangan masa depan.

Penyerahan kunci bangunan baharu SMSH

TEMBURONG, Isnin, 20 Februari. - Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) yang sebelumnya terletak di Pekan Bangar, kini mempunyai bangunannya yang baharu terletak di Kampung Batu Apoi telah pun siap dengan keluasan 15.419 ekar. Bangunan sekolah itu boleh menampung seramai lebih kurang 1,200 pelajar. Projek pembinaan sekolah tersebut bermula pada 16 Februari 2021 dan selesai dilaksanakan pada 31 Januari 2023 dengan harga pembinaan berjumlah BND16,308,152.00.

Kebawah DYMM berkenan lancarkan Loji BFI

BELAIT, Sabtu, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melancarkan Loji Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI).

Fokus isu utama yang strategik, cari jalan penyelesaian

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-11 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN

Permesyuarat Ke-19 MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

2 cef tempatan harumkan nama negara

BELAIT, Sabtu, 4 Mac. - Persatuan Sutera dengan kerjasama Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Daerah Belait baru-baru ini meraikan dua cef tempatan yang telah berjaya mengharumkan nama negara pada pertandingan 'Malaysia Culinary World Cup 2023' persada kulinari antarabangsa. Cef Nooren binti Awang Sapri mendapat tempat kedua, manakala Cef Rohana binti Mahmud mendapat penghormatan selaku ahli barisan juri antarabangsa yang mengakhirkan pertandingan bertaraf dunia.

Berangkat tiba di Republik Türkiye

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Republik Türkiye bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang akan berlangsung pada 6 hingga 9 Mac 2023.

YTM berkenan serta pertandingan IMC, raih anugerah emas

JERUDONG, Sabtu, 11 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima Anugerah Emas (Gold Award) dalam peringkat anugerah tertinggi Pertandingan Matematik Kebangsaan yang sangat terkenal di United Kingdom, The Intermediate Maths Challenge (IMC) dikendalikan oleh United Kingdom Mathematics Trust (UKMT).

PKBN cerminkan keberkesanan, nilai yang tinggi

TEMBURONG, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-11 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN

Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, di sini.

Kurma kurnia jenis Safawy diagihkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1444 Hijrah / 2023. Masihi seterusnya menyempurnakan pengagihan buah-buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima yang diadakan pagi tadi di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

KDB AS-SIDDIQ memperkuatkan kerjasama pertahanan NBD - Singapura

MUARA, Selasa, 21 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Pentaulahan Kapal Peronda Kapal Diraja Brunei (KDB) AS-SIDDIQ di Jeti Bravo, Pangkalan Tentera Laut Muara.

Berkenan melawat ke Naval Special Warfare

CORONADO, CALIFORNIA, AMERIKA SYARIKAT, Selasa, 21 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejai (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat melawat ke Naval Special Warfare (NSW) yang berpangkalan di Coronado, California, Amerika Syarikat (AS) bagi lawatan khusus pada 13 hingga 14 Mac 2023.

Kapal JS SUZUTSUKI berlabuh di NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mac. - Sebuah kapal Angkatan Maritim Pertahanan Diri Jepun (JMSDF), iaitu JS SUZUTSUKI membuat pelabuhan di Pelabuhan Muara, di sini.



Kenangan Indah

Oleh : Ubaidah Al-Jarrah

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

CUTI sekolah bulan Disember telah tiba. Ia adalah masa yang dinantikan oleh Farid, Qaisara dan Fatimah kerana pada cuti kali ini, mereka sekeluarga akan pergi bercuti ke luar negara iaitu Kuala Lumpur, Malaysia. Semangat kegembiraan terpancar dari wajah mereka, dan hati penuh dengan kemesraan dan antusiasme.

Di lapangan terbang, mereka dijemput oleh rakan baik keluarga Anuar, Ahmad. Ahmad berkata sambil tersenyum, "Selamat datang ke Kuala Lumpur, Anuar! Saya akan membawa kamu sekeluarga melawat ke tempat-tempat yang menarik dan mencuba makanan yang sedap-sedap di sini".

Mereka sekeluarga mengangguk gembira. Keesokan harinya percutian mereka bermula dengan melawat Taman Burung Kuala Lumpur dengan tapak yang berkeluasan 20.9 ekar.

"Di sini, kita dapat melihat sangkar habitat burung-burung yang eksotik yang didatangkan daripada seluruh dunia dan kita akan melihat Burung Hantu dan Merak yang sangat menarik," jawab Ahmad dengan riang.

"Taman Burung Kuala Lumpur ini terbahagi kepada 4 zon yang berbeza. Kamu dapat melihat burung-burung berterbangan bebas dalam Zon 1 dan Zon 2, di Zon 3 pula merupakan habitat bagi burung-burung enggang, dan di zon yang terakhir sekali iaitu Zon 4 adalah tempat pertunjukan burung dan juga tempat pembiakkannya," jelas Ahmad lagi.

Selaras melihat burung-burung yang menakjubkan, mereka pergi ke Jalan Alor untuk menjamu selera. Jalan Alor yang dikenali juga dengan nama Jalan Alor Night Market terletak di tengah-tengah Bukit Bintang, adalah destinasi makanan yang terkenal dengan pelbagai hidangan lazat dengan deretan gerai makanan yang menawarkan pelbagai hidangan tempatan dan antarabangsa. Daripada makanan jalanan tradisional Malaysia seperti sate, nasi lemak, dan rojak, hingga hidangan laut segar dan hidangan Cina yang menyelerakan.

Di satu gerai makanan jalanan, Anuar bertanya, "Ahmad, apa makanan tempatan yang mestи dicuba di sini?"

Ahmad ketawa dan menjawab, "Oh, kau mesti cuba nasi lemak dan mee goreng mamak di sini. Memang terbaik!"

Keesokan harinya, Ahmad membawa keluarga Anuar ke Aquaria KLCC, sebuah akuarium yang terbesar yang terletak di dalam salah satu bangunan yang tertinggi di dunia dan menempatkan lebih daripada 150 spesis hidupan laut.

Di dalam akuarium, anak kecil Anuar, Fatimah, melihat ikan pari yang besar dan berkata, "Wah besarnya, Fatimah baru pernah melihat ikan sebesar ani".

Ahmad menjawab, "Betul, Fatimah. Ini adalah ikan pari gergasi Arapamia sebesar 10 kaki dan salah satu tarikan terbaik di Kuala Lumpur. Di sini juga ada ikan jerung Sand Tiger, yang kelihatan garang tetapi tidak berbahaya dan juga penyu dan hidupan laut lain berenang di sekitar replika kapal karam Royal Nanhai".

"Kalau dah alang-alang kita ke sini, jom kita naik ke atas bangunan KLCC iaitu Skybridge. Ia merupakan jambatan yang menghubungkan kedua-dua menara KLCC ini, dari sini boleh pergi ke dek pemerhatian untuk menyaksikan pemandangan sekitar bandar raya Kuala Lumpur yang begitu indah," jelas Ahmad dengan riang.

Keesokan harinya, mereka melawat Istana Budaya untuk menonton pertunjukan seni tradisional. Anuar berkata, "Wah, Ahmad, tarian diorang sangat menarik. Ani macam dalam buku sejarah hidup!"

Ahmad menyokong dengan berkata, "Ya, Anuar. Kita boleh belajar banyak melalui seni dan budaya".

Malamnya, mereka makan malam di Restoran Bunga Raya yang terkenal dengan hidangan Melayu. Anuar menikmati hidangan nasi dagang dan berkata, "Ahmad, terima kasih banyak kerana membawa kami ke sini. Makanannya memang sedap-sedap!"

Ahmad tersenyum dan menjawab, "Kita kena cuba makanan tempatan di setiap tempat yang kita lawati, kan?"

Mereka meneruskan lawatan mereka ke Sunway Lagoon. Dengan lebih 90 tarikan dan tunggangan, menyediakan pengalaman taman tema terbaik dengan gelongsor air, roller coaster, kapal lanun dan rumah

berhantu. Taman tema ini juga menempatkan Taman Bertema Nickelodeon pertama di Asia, kolam luncur air terbesar di dunia dan juga Taman Hidupan Liar yang menjadi habitat kepada lebih 150 spesies haiwan.

Fatimah dengan bersemangat bertanya, "Pakcik Ahmad, apa permainan yang paling suik di sini?"

Ahmad menjawab, "Kita mesti cuba permainan air di Water Park dan roller coaster di Theme Park. Kamu semua pasti suka!"

Setelah melepas hari-hari yang penuh dengan pengalaman menarik, keluarga Anuar juga dibawa melawat ke Pusat Sains Negara. Di sana, mereka teruja menyertai pameran sains interaktif. Farid berkata, "Inilah tempat yang paling best, aku suka eksperimen dan mainan sains di sini".

"Bagus, Farid! Belajar sains dalam cara yang menyeronokkan," balas Ahmad.

Mereka juga menikmati waktu senja di Taman Tasik Perdana. "Lokasi ani sangat tenang. Tempat yang baik untuk berehat," jelas Anuar.

Ahmad menjawab, "Iya, Anuar. Ini adalah tempat yang indah yang wajib dilawati".

Sebelum mengakhiri percutian mereka, Ahmad mengajak mereka ke satu tempat lagi, iaitu Taman Ekologi Kuala Lumpur. Mereka berjalan-jalan di tengah-tengah hutan kecil yang hijau, melihat burung-burung yang berkicau dan bermain-main di tali buah-buahan yang bergantung.

Qaisara berkata, "Ini tempat yang paling damai, Pakcik Ahmad. Sungguh cantik".

"Taman Ekologi adalah tempat yang bagus untuk melarikan diri daripada hiruk-pikuk Bandar," jelas Ahmad.

Sepanjang percutian mereka di Kuala Lumpur, mereka juga pergi ke tempat membeli-belah yang terkenal seperti Suria KLCC Mall, Sungai Wang Plaza, Berjaya Times Square Mall, KL Sogo, Jalan Masjid India dan bermacam-macam lagi.

Setelah seminggu berada di Kuala Lumpur, dengan hati yang penuh dengan kenangan indah, keluarga Anuar pun pulang ke tanah air, Brunei Darussalam. Ahmad berkata, "Semoga kamu semua suka percutian di sini. Jangan lupa kembali lagi!"

Anuar menjawab, "Tentu, Ahmad. Terima kasih banyak atas panduan dan sambutan

hangat dari Kuala Lumpur."

Ahmad menghantar keluarga Anuar ke lapangan terbang. Sebelum berpisah, mereka berpelukan erat dan berjanji untuk berjumpa lagi.

Ahmad melihat keluarga Anuar dengan penuh kemesraan, "Jangan lupa kembali lagi, ya? Kuala Lumpur sentiasa menyambut kamu sekeluarga dengan tangan terbuka".

Anuar menjawab, "Pasti, Ahmad. Kami amat bersyukur atas semua pengalaman manis dan kenangan indah di sini".

Di dalam pesawat, keluarga Anuar melihat keluar tingkap dan melihat pemandangan megah Kuala Lumpur yang bercahaya malam. Farid berkata, "Terima kasih Kuala Lumpur. Kami akan merindui kamu semua".

Kembali ke tanah air, keluarga Anuar mempunyai banyak cerita untuk dikongsi dengan sahabat dan keluarga. Mereka berkongsi foto-foto dan pengalaman indah mereka di setiap tempat yang mereka lawati.

Apabila buka sekolah, Qaisara dan Fatimah bercerita kepada rakan-rakan mereka tentang Taman Burung, Jalan Alor, dan permainan air di Sunway Lagoon. Mereka merindui suara riuh rendah pasar malam, perasaan ketegangan ketika menaiki roller coaster, dan ketenangan di Taman Ekologi.

Anuar dan isterinya sering bercerita tentang keindahan Istana Budaya, makanan lazat di Restoran Bunga Raya, dan kegembiraan melihat anak-anak mereka menikmati cuti di Kuala Lumpur. Mereka tahu bahawa percutian ini bukan hanya membawa mereka ke tempat-tempat menarik, tetapi juga mengukuhkan lagi ikatan kasih sayang dalam keluarga mereka.

Seiring berlalunya masa, keluarga Anuar akan selalu mengingati detik-detik manis di Kuala Lumpur. Mereka akan kembali ke sana suatu hari nanti, membawa bersama kenangan indah dan semangat persahabatan yang terjalin dalam perjalanan mereka. Anuar merenung kembali setiap momen dan tersenyum. Mereka tahu bahawa Kuala Lumpur bukan sahaja meninggalkan kesan yang mendalam dalam hidup mereka, tetapi juga membuka pintu untuk pengembaraan baharu dan pengalaman yang sangat berharga.

PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI MESTI DIHENTIKAN DI GAZA, KATA KETUA WHO

LONDON, 22 Dis. - Ketua Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Khamis menegaskan pembunuhan beramai-ramai di Gaza mesti dihentikan di mana jumlah kematian rakyat Palestin kini meningkat kepada 20,000 orang.

"Saya telah kehilangan kiraan berapa kali saya berfikir konflik di Gaza tidak boleh menjadi lebih

"Kengerian itu tidak

mengerikan. Tetapi ia telah berlaku lagi," kata Tedros Adhanom Ghebreyesus di X, lapor Agensi Anadolu (AA).

Beliau berkata jumlah mangsa yang terbunuh di wilayah yang dikepung dalam tempoh lebih dua bulan adalah "mengerikan" dan "mempersendakan umat manusia."

"Kengerian itu tidak

berkesudahan bagi mereka yang terperangkap dalam apa yang telah menjadi neraka di bumi," kata Tedros. Ketua WHO berkata secara purata kira-kira 300 orang terbunuh setiap hari di wilayah yang dikepung itu.

Beliau berkata sistem penjagaan kesihatan di Gaza semakin teruk apabila hanya sembilan daripada 36 hospital di wilayah itu berfungsi

dengan tiada satu pun yang beroperasi di utara Gaza.

"Pembunuhan beramai-ramai mesti dihentikan. Kami memerlukan #CeasefireNOW," kata Tedros.

Konflik antara Israel dan Hamas



sejak 7 Okt meragut nyawa lebih 20,000 orang kebanyakannya wanita dan kanak-kanak, selain menyebabkan pengusiran secara paksa penduduk dan kemasuhan besar-besaran. - ©BERNAMA

Pakistan, Iran gesa usaha bersepada negara Islam hentikan serangan Israel

NEW DELHI, 21 Dis - Pakistan dan Iran menggesa usaha bersepada oleh negara-negara Islam bagi menamatkan kekejaman Israel di Palestin.

Presiden Iran Ebrahim Raisi dan Presiden Pakistan Arif Alvi menerusi perbualan telefon pada Rabu membincangkan genosid yang dilakukan tentera Israel di Gaza.

Kedua-dua pemimpin itu menegaskan bahawa negara-negara Islam perlu menyelaraskan usaha demi menamatkan pembunuhan beramai-ramai dan jenayah kemanusiaan yang terus berlanjut di Gaza, menurut pejabat Alvi dalam hantaran di media sosial.

Tindakan bersama itu boleh memberi tekanan kepada rejim Israel, menurut kenyataan Raisi.

Dalam pada itu, kedua-dua pemimpin turut mengkritik kegagalan

organisasi antarabangsa, termasuk Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mempertahankan rakyat Palestin daripada serangan Israel.

Mereka bersetuju bahawa "usaha perlu dilakukan bagi mengubah struktur organisasi antarabangsa dan umat Islam mesti menjadi perintis dalam bidang ini," menurut kenyataan Iran.

Sementara itu, Presiden Maldives Mohamed Muizzu dalam satu kenyataan pada Rabu turut mengecam kegagalan Majlis Keselamatan PBB untuk mengambil langkah tegas menamatkan penderitaan di Gaza.

Muizzu berkata veto terhadap resolusi yang menyeru gencatan senjata telah mengakibatkan masyarakat dunia "mempersoalkan nilai kemanusiaan dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu".

Beliau mengulangi gesaan

Maldives kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa untuk menyiasat kemungkinan jenayah perang yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin.

Washington memveto resolusi Majlis Keselamatan PBB pada 18 Okt yang menggesa "jeda kemanusiaan" bagi menyampaikan bantuan kepada 2.3 juta penduduk Gaza yang terkupung.

Pada 8 Dis, AS turut memveto satu lagi resolusi Majlis Keselamatan yang menggesa "gencatan senjata kemanusiaan segera".

Ketika situasi di Gaza semakin meruncing, Majlis Keselamatan pada Rabu sekali lagi menangguhkan mesyuarat bagi membincangkan gesaan terhadap "jeda kemanusiaan segera".

Angka kematian di Gaza telah melepas 20,000 termasuk 8,000 kanak-kanak dan 6,200 wanita. - ©BERNAMA

2023 berakhir sebagai tahun paling banyak kematian dalam sejarah konflik Palestin-Israel - PBB

NEW YORK, 20 Dis. - Koordinator Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Keamanan di Asia Barat Tor Wennesland berkata 2023 yang akan melabuhkan tirainya sebagai satu daripada tahun yang menyaksikan paling banyak kematian dalam sejarah konflik Palestin-Israel.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada sesi Majlis Keselamatan PBB mengenai situasi di Asia Barat, termasuk persoalan Palestin.

Wennesland turut menyentuh mengenai situasi kemanusiaan yang semakin teruk di seluruh Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Palestin WAFA.

"Penghantaran bantuan kemanusiaan di Semenanjung Gaza terus berdepan cabaran yang hampir tidak dapat diatasi," katanya.

Menurut beliau jumlah penduduk dipaksa berpindah dan pertempuran sangat sukar dibayangkan, sistem tindak balas kemanusiaan berada di ambang kehancuran.

Beliau juga mengutuk pembunuhan orang awam di Gaza, termasuk wanita dan kanak-kanak selain menyatakan kesedihannya berhubung kematian penduduk, termasuk 131 kakitangan PBB yang terbunuh dalam serangan Israel ke atas Gaza.

Wennesland pada masa sama menyuarakan "kebimbangan mendalam" berhubung ketegangan yang semakin meningkat di Tebing Barat yang diduduki, termasuk di Baitulmaqdis Timur.

Beliau turut bimbang terhadap serangan yang dilakukan oleh pendatang haram Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat.

"Semua pelaku keganasan mesti bertanggungjawab dan segera dibawa ke muka pengadilan," katanya.

WAFA melaporkan Wennesland turut terkejut dengan pelbagai insiden pegawai yang mengagungkan keganasan dan menggalakkan pembunuhan orang awam.

Wennesland berkata tindakan merampas tanah Palestin untuk

dijadikan penempatan Israel di Tebing Barat yang diduduki, termasuk Baitulmaqdis Timur, mengancam usaha mewujudkan negara Palestin yang merdeka.

Beliau mengulangi bahawa penempatan haram Israel merupakan pencabulan terang-terangan terhadap resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa serta menyeru rejim Israel untuk menghentikan aktiviti itu serta-merta.

Menurut beliau PBB kekal komited untuk menyokong rakyat Palestin dan Israel dalam menamatkan pendudukan dan menyelesaikan konflik selaras dengan undang-undang antarabangsa, resolusi PBB yang berkaitan dan perjanjian dua hala dalam usaha mencapai penyelesaian dua negara.

Sekurang-kurangnya 19,660 orang dilaporkan terbunuh manakala lebih 52,500 lagi cedera dalam serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza dan Tebing Barat sejak 7 Okt. - ©BERNAMA

Mahkamah perintah pilihan raya diadakan semula di beberapa bahagian di Berlin

BERLIN, 20 Dis. - Mahkamah Perlembagaan Persekutuan Jerman pada Selasa memutuskan bahawa pilihan raya umum 2021 mesti diadakan semula di beberapa bahagian di Berlin pada Februari tahun depan.

Kira-kira satu perlita daripada daerah mengundi di Berlin akan terlibat.

Pada pilihan raya September 2021, ramai pengundi dilaporkan

tidak dapat mengundi kerana barisan yang terlalu panjang dan masa menunggu yang terlalu lama di pusat mengundi.

Ada juga kes kertas undi hilang dan beberapa pusat mengundi ditutup awal manakala ada yang dibuka lewat. "Kerajaan Berlin telah menyediakan semua syarat-syarat yang diperlukan untuk memastikan pilihan raya di Berlin dapat diadakan semula," kata Ketua

Menyeri Kai Wegner pada Selasa. Beliau yakin pilihan raya kali ini dapat diadakan dengan lancar.

Berikut pandemik COVID-19 dan krisis tenaga, Jerman kini sedang bergelut untuk mengatasi krisis ekonomi. Keadaan itu diburukkan lagi oleh kegagalan untuk memperuntukkan semula 60 bilion (US\$66 bilion) dana bantuan COVID-19 kepada Dana Iklim dan Transformasi. - ©BERNAMA

NAIROBI, 20 Dis. - Jumlah korban akibat hujan lebat dan banjir kilat di Kenya mencecah 174 orang, lapor Xinhua.

Jurucakap kerajaan Isaac Mwaura berkata walaupun situasi banjir semakin stabil namun enam kematian dilaporkan sejak tiga hari lalu.

"Pusat Kecemasan Kebangsaan El Nino terus memantau rapat situasi banjir dan bekerjasama dengan agensi yang berkaitan serta pihak berkuasa tempatan untuk mengurangkan kesan akibat bencana itu," kata Mwaura pada Selasa.

Hujan lebat yang disebabkan fenomena El Nino dan banjir kilat telah menjelaskan 38 daripada 47 daerah sejak Oktober lalu.

Mwaura berkata daerah yang paling terjejas teruk ialah Tana River dan Lamu yang terletak di tenggara negara itu.

Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat luar biasa yang bermula pada Oktober akan berterusan hingga Januari 2024. - ©BERNAMA

Korban banjir di Kenya meningkat kepada 174 orang



ePaper Pelita Brunei



PESERTA NEGARA RANGKUL 4 EMAS

PASUKAN Sukan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama pingat masing-masing pada 1st Borneo Cup Fencing Challenge Trophy 2023 dan Borneo Junior Fencing Championship 2023 yang diadakan di Miri, Sarawak, baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Disember.- Pasukan Sukan Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya merangkul empat pingat emas, empat pingat perak dan lapan pingat gangsa pada 1st Borneo Cup Fencing Challenge Trophy 2023 dan Borneo Junior Fencing Championship 2023 yang diadakan di Miri, Sarawak baru-baru ini.

Pemenang pingat emas yang diraih dalam Kategori Women Individual Event Sabre menerusi Norhaziqah Zamri; pasukan wanita terdiri daripada Nur Amal Nazurah Jailani, Fatin Norhayati Mejenie, Dayangku Siti Syahirah Pengiran Idris dan Norhaziqah Zamri pula memenangi bagi Kategori Team Event Sabre; Zahra Imani pula memenangi dalam Kategori U14 Girls Individual Epee manakala pemenang Kategori U14 Boys Individual Sabre dirangkul oleh Hanis Irfan Abdul Muiz.



Sementara itu, empat pingat perak diperoleh melalui Haziq Asahrin bagi Kategori Men Individual Event Sabre; pasukan wanita, yang terdiri daripada Zahra Imani, Nur Almaiyah Harisah Harissman, Alina Ali dan Nabila Faizah Hisyam bagi Kategori Women Epee; pasukan lelaki, iaitu Haziq Asahrin, Khairul Ikhwan Iman Khairudin, Adrian Wong dan Hariz Zakaria

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persekutuan Lawan Pedang Brunei Darussalam

bagi Kategori Team Event Sabre serta Ismail Zainol bagi Kategori U14 Girls Individual Sabre.

Perlawanan yang diadakan selama tiga hari bermula 15 Disember berkenaan disertai oleh tiga buah negara dengan

diungguli Indonesia dengan memperoleh lapan pingat emas, lima pingat perak dan 12 pingat gangsa diikuti Malaysia dengan mengutip enam pingat emas, sembilan pingat perak dan 10 pingat gangsa manakala NBD berada di tangga ketiga.

Dua acara di Jeddah kukuhkan hubungan Bola Sepak Asia, Dunia

KUALA LUMPUR, 22 Dis. - Dua acara iaitu Sidang Kemuncak Bola Sepak Persekutuan Bolasepak Dunia (FIFA) dan mesyuarat exco Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) kali ketiga di Jeddah, Arab Saudi mampu mengeratkan hubungan sukan itu di peringkat Asia dan dunia.

Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Datuk Hamidin Mohd Amin yang juga Ahli Majlis FIFA optimis hubungan bola sepak Asia dan dunia bertambah erat memandangkan kedua-dua acara berkenaan diadakan seiring dengan pertandingan Piala Kelab Dunia FIFA yang berlangsung bermula 12 Dis dan dijadual berakhir hari ini.

"Bagi saya, pertemuan dan mesyuarat ini mampu mengeratkan hubungan persaudaraan bola sepak Asia dan dunia kerana ia diadakan di Jeddah bersempena dengan Piala Kelab Dunia FIFA dan Sidang Kemuncak Bola Sepak FIFA," katanya dalam satu kenyataan menerusi laman Facebook FAM hari ini.

Ahli jawatankuasa eksekutif AFC itu pada

masa sama berkata mesyuarat exco AFC juga meluluskan pembentukan Pasukan Petugas Pembaharuan AFC untuk tadbir urus yang baik.

Selain Sidang Kemuncak Bola Sepak FIFA dan mesyuarat exco AFC, Hamidin turut menghadiri mesyuarat majlis FIFA Ahad lepas, juga di Jeddah.

Antara butiran penting diputuskan ahli majlis pada mesyuarat itu ialah mengesahkan Piala Dunia Kelab FIFA kini dikenali sebagai Mundial de Clubes FIFA dengan penampilan kelab daripada setiap enam konfederasi iaitu Afrika, Asia, Eropah, Amerika Utara, Tengah dan Caribbean, Amerika Selatan serta Oceania.

Perubahan itu bermula secara efektif pada 2025 yang menyaksikan Amerika Syarikat sebagai tuan rumah.

Ahli majlis juga memutuskan Chile akan menjadi tuan rumah untuk Piala Dunia Bawah 20 Tahun (B-20) 2025, manakala Poland akan menjadi hos Piala Dunia Wanita B-20 2026.

Juara Liga Juara-Juara Eropah 2022/2023 dari England, Manchester City bakal membuat perhitungan menentang pemenang Copa Libertadores 2023 dari

Brazil, Fluminense dalam aksi final Piala Kelab Dunia FIFA 2023 di Stadium Bandar Sukan Raja Abdullah hari ini. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

BIASISWA Sultan's Scholar merupakan biasiswa yang berprestij yang dianugerahkan kepada penuntut-penuntut yang telah dikenal pasti oleh YSHHB, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai penuntut yang cemerlang dalam bidang akademik dan kegiatan luar sekolah bagi melanjutkan pengajian mereka dalam pelbagai bidang ke peringkat ijazah atau yang sebanding dengannya di institusi-institusi pengajian tinggi yang berprestij di luar negara yang dibenarkan oleh YSHHB dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Tujuan penyediaan Biasiswa Sultan's Scholar adalah untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berdisiplin dan berbudi bahasa bagi kepentingan jangka masa panjang agama, raja dan negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar bermula pada tahun 2006 iaitu bagi Sesi Pengajian Tahun 2006 / 2007.

SUMBER : Pelita Brunei, September 2013.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERTAUBAT DARIPADA DOSA